



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



LAPORAN TAHUNAN 2021

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN







LAPORAN
TAHUNAN **2021**
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



HAK CIPTA PKK, 2022

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan.

Tajuk Buku: Laporan Tahunan Universiti Malaysia Kelantan Tahun 2021
No. ISSN: 2600 - 7681

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penerbitan
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok,
Kelantan

Dicetak oleh:



Universiti Malaysia Kelantan

Kandungan

SELAYANG PANDANG PENUBUHAN UMK	006
VISI, MISI DAN SLOGAN	008
OBJEKTIF, LOGO DAN FALSAFAH	009
TUANKU CANSELOR	012
TENGGU PRO-CANSELOR	014
PRO-CANSELOR	016
AHLI LPU UMK	018
AHLI JPU UMK	020
AHLI SENAT UMK	022

ALU-ALUAN Pengerusi LPU	025
RINGKASAN EKSEKUTIF NAIB CANSELOR	031
PENYATA TADBIR URUS KORPORAT UMK	039
PETUNJUK PRESTASI UTAMA UMK TAHUN	053

2021

LAPORAN ANALISIS KEWANGAN UMK TAHUN 2021	105
PENYATA KEWANGAN DAN SIJIL AUDIT UMK	128
TAHUN 2021	

Graduan





Selayang Pandang Penubuhan UMK





Selayang Pandang Penubuhan UMK

Universiti Malaysia Kelantan atau ringkasnya UMK merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Ia kemudiannya diluluskan penubuhan dalam Mesyuarat kabinet pada 14 Jun 2006 dan diperbadankan pada 1 September 2006. UMK merupakan satu-satunya universiti penuh yang ditempatkan di negeri Kelantan Darul Naim. Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan perusahaan (entrepreneurship education and enterprises). Oleh itu, frasa rangsangan "Entrepreneurship is Our Thrust" digunakan dengan meluas.

Bagi jangka masa pendek dan sederhana, empat (4) kelompok bidang teras diberi penekanan iaitu keusahawanan dan perniagaan, agro Industri dan sumber asli, teknologi kreatif dan warisan, dan perubatan veterinar. Pada masa yang sama, penekanan juga diberi kepada kemahiran bahasa dan pembangunan insaniah. Program-program ini diwujudkan bagi melahirkan insan yang berkualiti tinggi dan bermanfaat untuk kesejahteraan global. Perhatian diberi kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (Capability and Capacity Buliding of SMEs) dengan teknologi sebagai pengupaya dalam menggerakkan kejayaan.

VISI

Menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global

MISI

Kami menyediakan program akademik dan latihan berkualiti dan relevan, penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi, perkhidmatan yang efektif dan efisien dan mengutamakan persekitaran kondusif serta memenuhi tanggungjawab sosial.

SLOGAN

**Keusahawanan Teras Kami
Transformative * Entrepreneurial * Excellent**

OBJEKTIF

- | | |
|---|---|
| Sumber Manusia | : Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, berintegriti, berkualiti dan profesional. |
| Kewangan | : Menjana pendapatan dan mengoptimumkan perbelanjaan yang dapat menyokong kelestarian universiti |
| Akademik dan Antarabangsa | : Membangun program pengajian serta aktiviti akademik universiti yang lebih dinamik dan berdaya saing di peringkat global. |
| Penjenamaan | : Mencipta imej dan identiti tersendiri yang menggambarkan reputasi sesebuah organisasi melalui petunjuk yang ketara. |
| Penyelidikan dan Inovasi | : Menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang mampu memberi impak kepada masyarakat melalui libatsama universiti, kerajaan, industri dan komuniti. |
| Keusahawanan dan Sosioekonomi | : Menerapkan budaya keusahawanan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, persekitaran dan industri. |
| Tadbir Urus dan Transformasi Penyampaian | : Memperteguh tadbir urus yang efisien dan sistematik serta membangun infostruktur bagi menyokong persekitaran kondusif. |



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



LANGKAH 1: MUAT TURUN
Muat turun aplikasi "UMK AR" di Google Play Store atau Apple App Store

STEP 1: DOWNLOAD
Download "UMK AR" application in the Google Play Store or Apple App Store

LANGKAH 2: IMBAS
Imbas kod QR dengan aplikasi "UMK AR"

STEP 2: SCAN
Scan the QR code by "UMK AR" application

LANGKAH 3: VIDEO DIPAPARKAN
Video akan terpapar di skrin telefon pintar

STEP 3: VIDEO POP-UP
Video will pop-up on the smartphone screen

Teras Strategi Pembangunan UMK

- Membangunkan dan mengantarabangsakan program pengajian serta akademik Universiti;
- Membudayakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan;
- Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti serta mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap;
- Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan universiti keusahawanan;
- Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri



Nilai Teras Organisasi

Setiap warga UMK yang terdiri daripada pelajar dan staf mendokong teras nilai yang sama bagi membentuk satu identiti Universiti. Tiga (3) nilai teras UMK adalah seperti berikut:

- Kreatif dan inovatif;
- Kesiediaan untuk membuat dan menerima perubahan; serta
- Bersikap profesional dalam segala tindakan.

Kreatif dan Inovatif


- Warga UMK harus sentiasa mempertingkatkan kualiti kerja dengan menambah baik prosedur kerja dan memberi perhatian kepada amalan terbaik supaya penyampaian lebih efektif, lebih pantas (efisien) dan menambah kepuasan kepada pengguna. Seterusnya, warga UMK juga perlu memperkenalkan produk, kaedah atau pendekatan baharu dalam penawaran perkhidmatan pendidikan keusahawanan dengan mengambil kira penyesuaian kepada perubahan persekitaran.
- Kreativiti harus digunakan dalam penyelesaian masalah yang rumit walaupun dengan sumber terhad tetapi kehendak pengguna dapat dipenuhi seperti yang diharapkan. Di samping itu, warga UMK wajar bersedia meneroka kepelbagaian kemungkinan dengan memperkenalkan idea baharu dan unik bagi mencipta peluang-peluang baharu.

Kesiediaan Untuk Membuat dan Menerima Perubahan

- Warga UMK perlu bersedia untuk mempelajari dan meneroka ilmu baharu untuk meningkatkan keupayaan diri semasa melaksanakan tanggungjawab. Mereka juga harus mengambil sikap positif kepada teguran yang membina sebagai proses pemantapan hasil kerja. Sikap keterbukaan ini membentuk individu yang fleksibel, serba boleh, berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi. Seterusnya, warga UMK wajar bersedia menyesuaikan diri mengikut kehendak perubahan persekitaran kerja dan tanggungjawab.

Profesional

- Warga UMK harus berpengetahuan luas, berkemahiran dan kompeten dalam bidang kepakaran atau tanggungjawab. Mereka perlu mengutamakan pelaksanaan tanggungjawab dengan memainkan peranan secara efisien dan efektif mengikut disiplin tugas dan etika bidang kepakaran. Warga universiti sentiasa memberi penekanan kepada pencapaian Visi UMK dengan mengamalkan sikap mesra dan endah, berintegriti, partisipatif, jujur dan amanah, bertanggungjawab dan komited serta bersyukur dan redha. Akhirnya, warga universiti wajar bersedia untuk memimpin dan memberikan kerjasama serta sokongan apabila dipimpin semasa melaksanakan tugas.





CANSELOR

**YANG TERAMAT MULIA
DR. TENGKU MUHAMMAD FA-IZ PETRA IBNI ALMARHUM
SULTAN ISMAIL PETRA**

D.K., S.P.M.K, D.M.K. (KEDAH), Ph.D (UCL)

TENGKU MAHKOTA KELANTAN





PRO-CANSELOR

**YANG BERTHORMAT MULIA
TENGGU TAN SRI DATO' HAJI MOHAMAD RIZAM BIN TENGGU
ABDUL AZIZ**

D.K. (KELANTAN), P.S.M., S.P.M.K., S.J.M.K., P.A.T.

TENGGU TEMENGGONG KELANTAN





PRO-CANSELOR

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DATO' DR. ASIAH BINTI ABU SAMAH**

D.P.M.P. (PERAK), P.S.M., K.M.N.





**YB SENATOR TAN SRI HAJI
MOHAMAD FATMI
BIN HAJI CHE SALLEH**

PENGERUSI



**PROF. DR. NIK
MAHERAN
BINTI NIK MUHAMMAD**

AHLI



**DR. MOHD ZABRI
BIN YUSOFF**

AHLI



**TAN SRI CHE MOHD
HASHIM BIN
ABDULLAH**

AHLI



**YB DATO' KAYA SETIA
DATO' HAJI NAZRAN
BIN MUHAMMAD**

AHLI



**DATO' (DR.)
HUSSAMUDDIN
BIN HAJI YAACUB**

PENGERUSI LPU UMK

Sehingga 31 Oktober 2021



**PROF. DATO' DR.
NOOR AZIZI BIN
ISMAL**

NAIB CANSOLOR

Sehingga 27 Ogos 2021

AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**DATIN PADUKA
KARTINI BINTI HAJI
ABDUL MANAF**
AHLI



**DATUK HAJI ZALUZI
BIN SULAIMAN**
AHLI



**PROF. DR.
KHAIRIL WAHIDIN
BIN AWANG**
AHLI



**DR. WAN
FARISAN BIN
WAN SULAIMAN**
AHLI



**PUAN NORMALIA
BINTI IBRAHIM**
AHLI SILIH GANTI



**PUAN
NORHASLINDA
BINTI MAT ISA**
AHLI SILIH GANTI



**PROF. DR. NIK MAHERAN
BINTI NIK MUHAMMAD**
MENJALANKAN FUNGSI
NAIB CANSOLOR



**PROF. DR.
NIK MAHERAN
BINTI NIK MUHAMMAD**
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(AKADEMIK DAN
ANTARABANGSA)

**PROF. DR. RAZLI
BIN CHE RAZAK**
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR
DAN ALUMNI)

**PROF. TS. DR.
ARHAM BIN
ABDULLAH**
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN
INOVASI)



**PROF. DATO' DR. NOOR
AZIZI BIN ISMAIL**
NAIB CANSOLOR

Sehingga 27 Ogos 2021

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI



**PUAN
MAZULA BINTI
SABUDIN**
PENDAFTAR

**ENCIK MOHD YUSRI
BIN AWANG**
BENDAHARI

**ENCIK AZMAN
BIN HASHIM**
KETUA PUSTAKAWAN

**PUAN
NURHAYATI
BINTI ISMAIL**
PENASIHAT
UNDANG-UNDANG

PENGERUSI (NAIB CANSELOR)

Seksyen 22(1)(a) Perlembagaan Universiti Malaysia
Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD

Menjalankan Fungsi Naib Canselor

PROF. DATO' DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL

Naib Canselor

(sehingga 27 Ogos 2021)

TIMBALAN NAIB CANSELOR

Seksyen 22(1)(b) Perlembagaan Universiti Malaysia
Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD

Timbalan Naib Canselor

(Akademik & Antarabangsa)

PROF. DR. RAZLI BIN CHE RAZAK

Timbalan Naib Canselor

(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

PROF. TS. DR. ARHAM BIN ABDULLAH

Timbalan Naib Canselor

(Penyelidikan & Inovasi)

DEKAN FAKULTI DAN SEMUA KETUA KAMPUS CAWANGAN, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT, UNIVERSITI

Seksyen 22(1)(c) Perlembagaan Universiti Malaysia
Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

PROF. DR. MOHD ROSLI BIN MOHAMAD

Dekan

Pusat Pengajian Siswazah

PROF. DR. ROSELINA BINTI AHMAD SAUFI

Dekan

Fakulti Keusahawanan &

Perniagaan

DR. HANISA BINTI HASSAN

Dekan

Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan

PROF. DR. MOHD AZAM KHAN BIN GORIMAN KHAN

Dekan

Fakulti Perubatan Veterinar

PROF. MADYA DR. SERI INTAN BINTI MOKHTAR

Dekan

Fakulti Industri Asas Tani

PROF. MADYA TS. DR. MOHAMAD FAIZ BIN MOHD AMIN

Dekan

Fakulti Sains Bumi

PROF. DR. KHAIRIL WAHIDIN BIN AWANG

Dekan

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan &

Kesejahteraan

PROF. MADYA SR. DR. SHARDY BIN ABDULLAH

Dekan

Fakulti Senibina & Ekistik

PROF. MADYA DR. NOOR AZLINA BINTI IBRAHIM

Dekan

Fakulti Biokejuruteraan & Teknologi

DR. BURHAN BIN CHE DAUD

Dekan

Fakulti Pengajian Bahasa & Pembangunan

Insan

AHLI SENAT

**PROF. MADYA TS. DR. ZURAIMI
BIN ABDUL AZIZ**
Pegawai
Pusat Pendidikan Luar UMK

**PROF. MADYA TS. DR. MUHAMAD SAUFI
BIN CHE RUSULI**
Pegawai
Pusat Kokurikulum

PROFESOR

Seksyen 22(1)(d) Perlembagaan Universiti Malaysia
Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB
Profesor
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan

**PROF. IR. TS. DR. AHMAD ZIAD BIN
SULAIMAN**
Profesor
Fakulti Biokejuruteraan &
Teknologi

PROF. DR. JASNI BIN SABRI
Profesor
Fakulti Perubatan Veterinar

PROF. DR. RAJA SUZANA BINTI RAJA KASIM
Profesor
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan

**PROF. DR. BALAKRISHNAN A/L
PARASURAMAN**
Profesor
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan

PROF. DR. NIK MARZUKI BIN SIDIK
Profesor
Fakulti Industri Asas Tani

PROF. DR. NARESH KUMAR A/L SAMY
Profesor
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan

PROF. DR. SITI ZAITON BINTI MOHD HASHIM
Profesor
Jabatan Sains Data

**PROF. IR. TS. DR. AHMAD RASDAN
BIN ISMAIL**
Profesor
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan

AHLI YANG DIKO-OPT OLEH NAIB CANSOLOR

Seksyen 22(1)(e) Perlembagaan Universiti Malaysia
Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

**PROF. MADYA DR. NOOR HASMINI BINTI
ABD GHANI**
Pegawai Pusat Pengurusan
Kualiti Universiti

TS. WAN AZLEE BIN HJ. WAN ABDULLAH
Pegawai
Pusat Komputeran & Informatik

PROF. DR. NOORAINI BINTI YUSOFF
Pegawai Jabatan
Sains Data

PROF. DR. SURIA BINTI BABA
Pegawai
Pusat Kecemerlangan & Pembangunan
Akademik

PROF. MADYA DR. NG. SIEW FOEN
Pegawai
Pusat Antarabangsa

EX-OFFICIO

Seksyen 22(4) Perlembagaan Universiti Malaysia
Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

MAZULA BINTI SABUDIN
Pendaftar

MOHD YUSRI BIN AWANG
Bendahari

AZMAN BIN HASHIM
Ketua Pustakawan

NURHAYATI BINTI ISMAIL
Penasihat Undang-undang

AHLI TURUT HADIR

Seksyen 22(2) Perlembagaan Universiti Malaysia
Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

MOHD AIMI BIN MOHD ZUBIR
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar
Pelajar Sesi 2020/ 2021
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan

UMMI SALIMA BINTI KASIM@KASMI
S/U Agong Perwakilan Pelajar
Sesi 2020/ 2021
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan

SETIAUSAHA

2 (5) Statut Universiti Malaysia
Kelantan (Senat) 2018

TS. DR. ANUAR BIN MOHD YUSOF
Pegawai Akademik
Bahagian Pentadbiran Akademik



LAPORAN
TAHUNAN **2021**
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





**PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust



UMK perlu
mengekalakan pencapaian
ini, malah perlu menyahut
cabaran dan hasrat
Kementerian Pengajian
Tinggi supaya UMK
mampu melahirkan
graduan yang berkualiti
dan mempunyai nilai-nilai
keusahawanan.

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dan syabas kepada seluruh warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) atas komitmen dan kerja keras semua pihak dalam melaksanakan agenda tahun 2021 dengan jayanya. Sesungguhnya kejayaan ini adalah hasil kerjasama semua warga UMK. Tahun 2021 merupakan tahun pertama saya dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti di UMK bermula 1 November 2021. Saya merasa bangga dengan kejayaan yang telah diperolehi sepanjang 15 tahun penubuhannya.



**YB SENATOR TAN SRI
HAJI MOHAMAD FATMI BIN HAJI CHE SALLEH**

Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Kelantan



Sejajar dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi melalui subtema yang ketiga dalam ucapan Amanat Menteri pengajian Tinggi iaitu Mengiktiraf Kecemerlangan, Mempersada Institusi UMK buat julung kalinya telah tersenarai antara universiti terbaik Asia di kedudukan 551 daripada keseluruhan 600 dalam Quacqualrelli Symonds (QS) World University Rankings: Asia 2022. Pengiktirafan daripada QS ini amat membanggakan dan meletakkan UMK di atas landasan yang tepat di dalam menyediakan sebuah universiti yang berkualiti. Pencapaian ini juga membuktikan bahawa UMK mempunyai staf yang kompeten dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan yang berimpak dan sentiasa memberi fokus kepada pelbagai aspek sains, teknologi dan juga keusahawanan selaras dengan tanggungjawab universiti iaitu sebagai Universiti Keusahawanan.

Pada tahun ini juga Universiti sekali lagi telah melakar sejarah melalui kejayaan yang sangat membanggakan dimana buat julung kalinya UMK telah berjaya memenangi Anugerah Institusi Terbaik Keusahawanan bagi Kategori Institusi di Majlis Anugerah

Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi 2021 (AKKPT21). -

UMK mengorak langkah dalam memperkemas tadbir urus dan governans Universiti dengan memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2015 pada tahun 2021. Pencapaian ini menunjukkan UMK sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan terutamanya pelajar dan pemegang taruh. Kejayaan UMK terus dikecapi dengan memperolehi pensijilan Accreditation Council for Entrepreneurial & Engaged Universities (ACEEU) pada tahun 2021. Pencapaian ini membuktikan UMK sebagai sebuah universiti berfokuskan keusahawanan yang diiktiraf diperingkat antarabangsa.

Tambahan pula, pencapaian geran penyelidikan UMK yang terima pada tahun 2021 terus meningkat kepada RM8,399,213.00 daripada tahun sebelumnya RM8,156,080.00. pencapaian pada tahun 2021 ini juga melebihi daripada sasaran yang ditetapkan iaitu RM8 juta.

Pada tahun 2021, UMK telah mencapai Kebolehpasaran Graduan pada kadar 89.8% bersamaan 1,941 orang graduan. Kadar ini menurun sebanyak 0.8% daripada pencapaian tahun sebelumnya iaitu 90.6% disebabkan oleh Pandemik COVID-19 yang masih memberikan kesan dan mempengaruhi kadar Kebolehpasaran Graduan dalam kalangan pelajar. Walaupun terdapat pengurangan, pencapaian ini masih melebihi daripada kadar Kebolehpasaran Graduan yang disasarkan pada tahun 2021 iaitu 85%.

Seluruh dunia masih menghadapi cabaran berdepan COVID-19 namun UMK terus menggorak langkah positif dengan sentiasa menggalakkan aktiviti akademik, penyelidikan dan memantapkan tadbir urus Universiti.

Saya berharap UMK akan terus bergerak maju sebagai pemain global bagi mencapai misi dan visi yang ditetapkan serta berada pada landasan terbaik sebagai universiti berfokus dalam memperkasa bidang keusahawanan di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**YB Senator Tan Sri Haji Mohamad
Fatmi bin Haji Che Salleh**
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Kelantan



LAPORAN
TAHUNAN **2021**
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



**RINGKASAN
EKSEKUTIF NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust



Ringkasan Eksekutif Naib Canselor



Bismillahirrahmanirahim,
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi
atas limpah kurnia-Nya yang telah
mengizinkan laporan tahunan
Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ini
dikeluarkan bagi tahun 2021 dengan
menyaksikan pelbagai kejayaan telah

dilakar sekali gus
membanggakan bangsa dan
negara yang tercinta ini. UMK
merupakan sebuah Universiti
Keusahawanan yang semakin
matang usianya, terus mengorak
langkah maju kedepan dengan
meraih pelbagai anugerah dan
pengiktirafan pada peringkat
kebangsaan serta antarabangsa.

Sektor pendidikan tinggi mengalami banyak perubahan sejajar dengan IR4.0 yang menuntut kefahaman baharu masyarakat terhadap inovasi dalam bidang teknologi dan industri dengan lebih mendalam. Sehubungan itu, pendidikan merupakan pelaburan yang penting untuk menyemarakkan idea dan inovasi baharu bagi melonjakkan kemajuan negara ke tahap yang lebih cemerlang.

Universiti mempunyai peranan utama mengangkat ilmu dan keserjanaan, untuk memberikan pembelajaran terbaik kepada pelajar dan masyarakat bagi mengungguli kehidupan masa kini dan masa hadapan supaya berdaya saing. UMK telah diamanahkan untuk mengungguli dan memartabatkan bidang keusahawanan. Selain itu, UMK berhasrat untuk menggembeng daya saing sumber manusia, memperkaya pembangunan keusahawanan dengan memberi penekanan terhadap teknologi dan inovasi, menyebarkan pemindahan ilmu, dan meningkatkan sosioekonomi rakyat untuk mengharungi cabaran baharu di pelbagai peringkat.

Kejayaan UMK pada hari ini dan tahun-tahun sebelumnya adalah berkat dan semangat juang yang tinggi warganya dengan sokongan tidak berbelah bahagi semua pihak termasuklah Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti, agensi kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi serta pemegang taruh yang lain seperti industri, masyarakat, staf dan pelajar.

Kejayaan 2021

Kecemerlangan UMK terserlah melalui pelbagai pengiktirafan pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Kejayaan ini merupakan milik bersama hasil komitmen yang diberikan oleh staf dan pelajar.

(1) QS ASIA WORLD RANKING & THE IMPACT RANKING 2021

Ketika negara dilanda pandemik COVID-19, UMK telah mengorak langkah dalam penarafan antarabangsa bagi tahun 2021 iaitu melalui QS World University Rankings Asia 2021. UMK berada pada ranking, 551-600 dalam 11 kriteria pemilihan yang dibuat iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah penuntut kepada fakulti, kakitangan dengan PhD, nisbah sitasi kepada artikel, nisbah artikel kepada fakulti, jaringan penyelidikan antarabangsa. Kakitangan akademik antarabangsa, penuntut antarabangsa dan pertukaran pelajar "inbound" serta "outbound".

UMK juga telah mendapat penarafan THE Impact Ranking 2021 (1st Time) pada tahap 801-1000. THE Impact Ranking ini adalah mengambil kira petunjuk yang menilai pencapaian universiti berdasarkan 17 Matlamat Pembangunan Lestari yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau lebih dikenali sebagai 17 United Nation's Sustainable Development Goals (SDG).

(2) Accreditation Council For Entrepreneurial And Engaged University (ACEEU)

Pada November 2021, UMK satu-satunya Universiti Awam di Malaysia telah menerima pengiktirafan Accreditation Council for Entrepreneurial and Engaged Universities (ACEEU) yang dinobatkan pada peringkat antarabangsa sebagai Universiti Keusahawanan dan mendapat penilaian cemerlang dari sudut ekosistem keusahawanan institusi, Kepimpinan Keusahawanan dan pendidikan keusahawanan.

(3) Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi

UMK juga telah mendapat anugerah utama iaitu Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi (AKEPT) 2021 yang dianugerahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Universiti Keusahawanan terbaik Malaysia.

Pembangunan Sumber Manusia

Latihan dan pembangunan staf adalah penting bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk membolehkan staf melaksanakan tugas dengan cara yang paling berkesan. Disamping tanggungjawab Universiti, staf juga bertanggungjawab memperluaskan pengetahuan dan kemahiran masing-masing bagi mencapai aspirasi organisasi dan individu.

(1) Kecemerlangan Tadbir Urus

Bagi tahun 2021, UMK mempunyai seramai 1,293 orang staf yang terdiri daripada 547 staf akademik dan 748 staf bukan akademik. Dalam memastikan UMK mencapai aspirasinya melalui barisan kakitangan yang cekap, komited dan berintegriti tinggi, program-program pembangunan kakitangan diperkasakan. Pada tahun 2021, staf UMK telah memenangi 4 pingat emas di Karnival Inovasi UMT 2021 iaitu melalui pembangunan HRDashboard, UMK CBTM Dasna, Sistem Perancangan dan Pelaporan Kerja bagi Staf Bekerja Dari Rumah (BDR) dan Latihan Pembelajaran Kendiri.

Akademik Dan Antarabangsa

Cabaran Revolusi Industri (IR4.0) turut mempengaruhi kaedah dan inovasi dalam pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan di UMK. Bagi kekal relevan dalam pembangunan Pendidikan Tinggi global, UMK turut menambah nilai pembelajaran dan mentransformasikan pendidikan berpusatkan pelajar kepada pengajaran teradun (blended learning) yang mengoptimalkan setiap aspek teknologi, inovasi, kaedah pembelajaran dan potensi masa depan bagi memberi nilai yang terbaik kepada pelajar.

(1) Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran

UMK adalah Universiti yang sentiasa bersedia dalam mendepani Cabaran Revolusi Industri (IR4.0). Pada tahun 2021, UMK telah membangunkan dan mengemaskini sistem berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran seperti senarai berikut:

- i. Sistem Learning Management System (LMS) – eCampus
- ii. Sistem Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)
- iii. Sistem Outcome Based Education - Table 4
- iv. Sistem Massive Open Online Course (MOOC)/ Micro-credential
- v. Sistem Penilaian Pengajaran Kursus
- vi. Sistem Learning Analytics

Sistem yang telah dibangunkan ini sentiasa dikemaskini agar sentiasa relevan dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran masa kini.



(2) Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran

Sistem pengajaran dan pembelajaran dalam talian UMK dan projek inovasi pengajaran dan pembelajaran UMK telah diiktiraf pada International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2021 anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Majlis ePembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Sistem Learning Management System (LMS) eCampus telah mendapat pengiktirafan sebagai Finalis kategori Best e-Learning Management System Award, manakala projek inovasi pengajaran dan pembelajaran UMK turut meraih 8 Pingat Emas, 8 Pingat Perak dan 7 Pingat Gangsa melalui kategori pertandingan Invention, Innovation & Design on e-Learning (IIDEL).

(3) Pengantarabangsaan

Selain itu, UMK juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dari segi bilangan pelajar antarabangsa iaitu seramai 212 orang pelajar antarabangsa dari 16 buah negara. UMK juga menyediakan pelbagai kemudahan fasiliti dan infrastruktur terhadap pelajar antarabangsa dan terus meningkatkan prestasi serta amalan terbaik bagi memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam ekosistem teknologi pada masa kini.

Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni

Data pengesanan graduan tahun 2021 menunjukkan peratus kebolehpasaran graduan UMK bagi tahun 2021 adalah sebanyak 89.8 peratus. Peratus ini adalah lebih tinggi daripada sasaran ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu 85 peratus. Peratusan ini merangkumi mereka yang bekerja sendiri, menjadi pekerja bebas atau freelancer atau menjadi pekerja. UMK juga berjaya menghasilkan 11.4 peratus graduan usahawan pada tahun 2021.

Mengambil kira persaingan kerja yang kompetitif, graduan UMK telah melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran terkini termasuklah dalam bidang digital supaya selari dengan pasaran pekerjaan yang lebih menjurus kepada penggunaan teknologi dan digital.

Geran PENJANA-CAP yang diperolehi UMK banyak membantu dalam memberi pendedahan awal ekonomi GIG yang diberikan kepada graduan UMK sekali gus akan membantu mereka mengenalpasti potensi pekerjaan dalam sektor ini dan seterusnya menjadi usahawan yang berjaya.

Penyelidikan Dan Inovasi

UMK telah memperkenalkan konsep R.I.C.E.S ekosistem yang bermaksud Research, Innovation, Commercialisation, Entrepreneurship, Society (R.I.C.E.S) bagi memantapkan penyelidikan dan inovasi di UMK. Ianya berkonsepkan penyelidikan yang berteraskan inovasi dan mampu dikomersialkan bagi menyediakan pensyarah dan pelajar ke arah keusahawanan melalui syarikat "spin-off" atau "start-up".

(1) Pencapaian Penyelidikan, Penerbitan dan Anugerah Keusahawanan

Pada 2021, UMK telah menerima geran penyelidikan daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan antarabangsa

sebanyak RM8,399,213.00. Selain itu, UMK juga telah menerbitkan 634 makalah dalam jurnal berindeks. Dalam aspek pengkomersialan harta intelek sebanyak 98 harta intelek telah kemukakan bagi pemfailan paten. Dalam pencapaian pingat dan anugerah, UMK menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 iaitu pingat emas sebanyak 77, pingat perak sebanyak 20, pingat gangsa 10 dan anugerah khas sebanyak 19.

(2) Polisi dan Dasar Penyelidikan

UMK juga telah memperkenalkan pelbagai polisi dan garis panduan yang melibatkan penyelidikan dan inovasi. Polisi dan garis panduan ini adalah berteraskan tiga fungsi utama dalam bidang penyelidikan dan inovasi iaitu Pengurusan dan Penyelidikan, Pengkomersialan dan Harta Intelek dan Penerbitan dan Penarafan.

Keusahawanan

UMK sentiasa berusaha untuk memperkasakan kebitaraan keusahawanan dalam kalangan pelajar dalam usaha melahirkan graduan yang berpaksikan kepada nilai-nilai murni, berdaya saing, berminda keusahawanan serta mempunyai ciri-ciri keusahawanan dengan menyediakan ekosistem yang kondusif sebagai galakan kepada pelajar untuk bergiat aktif dalam pembangunan keusahawanan. UMK yang menasaskan untuk menjadi Universiti Keusahawanan nombor satu (1) di Asia pada tahun 2030.

Sokongan keusahawanan melalui penyediaan ruang niaga, pinjaman tanpa faedah dan Program bimbingan 'Entrepreneur in Residence' telah disediakan. Geran Keusahawanan pada tahun 2021 juga meningkat kepada lebih RM2 juta

yang melibatkan projek Universiti dan Kebangsaan. UMK juga telah memenangi Anugerah Franchise (MFA) 2021.

Penghargaan

Kejayaan demi kejayaan yang diraih pada tahun 2021 merupakan sumbangan berterusan seluruh Universiti yang bersandarkan kepada nilai murni yang menjadi teras kepada UMK. Penghargaan tidak terhingga diberikan kepada semua warga Universiti tanpa mengira jawatan ataupun peranan di atas semua jasa dan sumbangan kepada UMK. Pasti perancangan Universiti tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan pelbagai pihak.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada Lembaga Pengarah Universiti, agensi kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi dan pemegang taruh yang lain termasuk rakan industri, mahasiswa dan staf yang telah membantu UMK dalam menjayakan agendanya. Bagi merealisasikan hasrat dan impian Universiti dalam mendokong kepada aspirasi negara, UMK terus komited melaksanakan pelbagai agenda yang telah dirancang khususnya dalam menjadikan Universiti Keusahawanan yang terbaik di masa akan datang. Pengurusan UMK percaya komitmen dan semangat yang tinggi dalam kalangan warganya merupakan elemen penting untuk mencapai hasrat tersebut.

Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad
Menjalankan Fungsi Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan





LAPORAN
TAHUNAN **2021**
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





**PENYATA TADBIR
URUS KORPORAT
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust



Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN
1.	Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh	Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	1/11/2021
	Dato' (Dr.) Hussamuddin Haji Yaacob	Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	31/10/2021 (tamat)
2.	Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad	Menjalankan Fungsi Naib Canselor	28/08/2021
	Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail	Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan	27/08/2021 (tamat)
3.	Prof. Dr. Khairil Wahidin bin Awang	Wakil Senat	31/12/2021 (tamat)
4.	Dato' Haji Nazran Muhammad	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	11 /10/ 2021
5.	Dr. Mohd Zabri bin Yusoff	Wakil Kementerian Pengajian Tinggi	01/06/2020
6.	Dr. Wan Farisan bin Wan Sulaiman	Wakil Kementerian Kewangan Malaysia	01/11/2021 (tamat)
7.	Datuk Dr. Che Muhaya Haji Mohamad	Wakil Swasta	14/10/2021 (tamat)
8.	Datuk Haji Zaluzi bin Sulaiman	Wakil Swasta	15 /11/ 2021
9.	Datuk Sr. Haji Md Alwi bin Haji Che Ahmad	Wakil Swasta	01/05/2021
10.	Datin Paduka Kartini Hj. Abdul Manaf	Wakil Swasta	16 /12/2020
11.	Tan Sri Che Mohd Hashim bin Abdullah	Wakil Masyarakat	25/06/2020
12.	Normalia binti Ibrahim	Ahli Silih Ganti, Wakil Kementerian Pengajian Tinggi	14/12/2021 (tamat)
13.	Norhaslinda binti Mat Isa	Ahli Silih Ganti, Wakil Kementerian Kewangan Malaysia	10/10/ 2021 (tamat)

Mesyuarat LPU

BIL.	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH
1.	Bil. 1/2021 (Kali ke-57)	22 Februari 2021
2.	Bil. 2/2021 (Kali ke-58)	12 April 2021
3.	Bil. 3/2021 (Kali ke-59)	14 Jun 2021
4.	LPU Khas Bil.1/2021	10 Julai 2021
5.	Bil. 4/2021 (Kali ke-60)	02 Ogos 2021
6.	LPU Khas Bil.2/2021	19 September 2021
7.	Bil. 5/2021 (Kali ke-61)	11 Oktober 2021
8.	Bil. 6/2021 (Kali ke-62)	13 Disember 2021

Jawatankuasa Khusus LPU

BIL. NAMA JAWATANKUASA

1.	Jawatankuasa Tetap Kewangan
2.	Jawatankuasa Kebajikan Pelajar
3.	Jawatankuasa Audit (JKA)
4.	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (JPRU)
5.	Jawatankuasa Pembangunan Universiti
6.	Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti (JIJU)
7.	Majlis Action Group For Entrepreneurship (AGE) Universiti Malaysia Kelantan
8.	Jawatankuasa Pemilih Universiti Malaysia Kelantan : <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Pemilih Jawatan Akademik Bagi Jawatan Kursi, Profesor Kanan dan Profesor Jawatankuasa Pemilih Jawatan Bukan Akademik Bagi Jawatan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang
9.	Jawatankuasa Tatatertib Universiti Malaysia Kelantan <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Universiti Malaysia Kelantan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar Universiti Malaysia Kelantan
10.	Lembaga UMK Business Venture
11.	Lembaga Perolehan Universiti

FUNGSI DAN BIDANG KUASA

JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN	JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR
<ul style="list-style-type: none"> Memperakukan permohonan bajet mengurus Universiti sebelum dikemukakan kepada MOF. Memperakukan permohonan bajet pembangunan Universiti sebelum dikemukakan kepada KPM setiap 5 tahun sekali selaras dengan permohonan projek di bawah Rancangan Malaysia. Memperakukan Penyata Kewangan dan Laporan Kewangan Universiti sebelum dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara Memperakukan kepada LPU untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan/JPA atau pekeliling lain yang mana pelaksanaannya akan menimbulkan implikasi kewangan atau lain yang berkaitan Memperakukan prosedur atau peraturan pengurusan kewangan, perolehan dan yang berkaitan bagi tujuan mengawasi semua urusan kewangan dan akaun Universiti Mengatur serta mengawal apa-apa sistem kewangan dan akaun Universiti yang diarahkan oleh LPU dari masa ke semasa 	<ul style="list-style-type: none"> Mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kebajikan pelajar Mencadangkan dan memperakukan polisi berkaitan kebajikan pelajar merangkumi aspek berikut; <ol style="list-style-type: none"> Pembangunan sahsiah pelajar Persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif Kemudahan penginapan, pengangkutan dan perhubungan Kesihatan dan keselamatan Rekreasi dan riadah Memperakukan polisi berkaitan bantuan kewangan pelajar Universiti Memperakukan penubuhan tabung amanah kebajikan dan pembangunan pelajar

Fungsi dan Bidang KUASA




FUNGSI DAN BIDANG KUASA

JAWATANKUASA AUDIT	JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO UNIVERSITI
<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji keperluan Audit Dalam termasuk piagamnya. Meluluskan piagam Unit Audit Dalam (UAD) UMK. Meluluskan Rancangan Audit Dalam berasaskan risiko Memperakukan rancangan pengurusan sumber dan belanjawan UAD UMK. Menerima pelaporan daripada Ketua Audit Dalam (KAD) untuk prestasi dan pencapaian UAD UMK berkaitan dengan perancangan dan lain-lain perkara yang berkaitan. Pelantikan, pemecatan dan penilaian prestasi tahunan KAD adalah tertakluk kepada polisi yang diterima pakai oleh UMK. Penilaian prestasi tahunan KAD dibuat oleh Naib Canselor sebagai Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pengerusi JKA sebagai Pegawai Penilai Kedua (PPK). Meluluskan penggajian KAD di mana JKA terlibat dalam membuat pelantikan KAD dan mencadangkan gred yang bersesuaian bagi jawatan KAD agar berada setara atau tidak jauh berbeza dengan jawatan Pengurusan di Universiti dan sekaligus dapat memperkasakan kuasa UAD. Mengkaji perancangan aktiviti audit oleh UAD yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan, serta penyelarasan di antara Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar. Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman Universiti dan mencadang serta menasihati Lembaga berhubung dengannya. Mengkaji laporan Juruaudit Dalam dan Luar dan memperakui tindakan-tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga dengan mengemukakan laporan kepada lembaga setiap suku tahun. Mengkaji dan menasihati Lembaga berhubung dengan Penyata Audit dan laporan-laporan jawatankuasa yang lain yang dikeluarkan. Memastikan bahawa akaun disediakan dengan tepat dan pada masa yang ditetapkan dengan membuat kajian semula bagi memastikan terdapat peruntukan yang memadai terhadap tanggungan luar jangka dan hutang lapuk dan ragu. Mengkaji dan menasihati Lembaga berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada Audit, dan perkara-perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga. Mengkaji semula bersama-sama dengan pihak Pengurusan, Juruaudit Luar dan sekiranya perlu Penasihat Undang-Undang mengenai sebarang litigasi, tuntutan dan lain-lain tanggungan luar jangka yang boleh memberi kesan terhadap kedudukan kewangan atau hasil Universiti dan cara-cara perkara tersebut didedahkan dalam penyata kewangan. Mengesan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga serta tatakelakuan staf dan boleh menyiasat sebarang ketidakaturan yang berlaku dalam Universiti. Menentukan skop dan arah pengurusan audit Universiti Memastikan bahawa Universiti sentiasa mengemaskini pelaksanaan kerja selaras dengan peraturan semasa. Melaksanakan fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyelia pengurusan risiko melalui penerimaan laporan berkala berkaitan pelaksanaan pengurusan risiko daripada Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko. Mencadangkan strategi dan tindakan susulan bagi pengurusan risiko. Menasihati Universiti dalam pengurusan mana-mana aktiviti/projek yang berisiko tinggi. Menyediakan maklumat mengenai perkembangan pengurusan risiko Universiti kepada Lembaga Pengarah. Mengkaji dan mengesyorkan Polisi Pengurusan Risiko yang menentukan dasar-dasar dan garis panduan utama untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Menyemak semula profil risiko dan daftar risiko bagi memastikan risiko Universiti diuruskan dengan baik. Melaksanakan sebarang tugas-tugas tambahan yang diminta oleh Lembaga pengarah Universiti bagi tujuan penambahbaikan pengurusan risiko Universiti



FUNGSI DAN BIDANG KUASA

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN UNIVERSITI	JAWATANKUASA INDUK PELABURAN UNIVERSITI
<ul style="list-style-type: none"> Membincangkan isu- isu pembangunan university dan mendapat maklum balas berhubung kemajuan pembangunan di semua kampus seperti :- <ol style="list-style-type: none"> Status pelan pembangunan. Kemudahan Infrastruktur dan Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> Jalan dan Perparitan. Bekalan air, bekalan elektrik dan kemudahan mekanikal. Perkhidmatan komunikasi - talian telefon dan internet. Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Menyediakan laporan status pembangunan universiti untuk dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti. Membincangkan saranan pembangunan dari Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Menyediakan laporan status Pelaporan status terkini pelaksanaan projek di bawah Peruntukan Rizab/ Dalaman Universiti yang diluluskan oleh LPU dan mengemukakan kepada Pegawai Pengawal (KSU KPT) secara bulanan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan kepada LPU berkenaan dasar pelaburan Melabur wang lebihan Universiti dari Kumpulan Wang Universiti yang tidak berpunca dari Kerajaan Memantau prestasi pelaburan Memperakukan pelantikan pengurus dana atau firma pengurus dana atau mengadakan jawatankuasa khas Menerima dan meneliti laporan dari pengurus dana tentang strategi pelaburan dan kedudukan semasa Membuat laporan berkala kepada LPU Mencadangkan kepada LPU berkenaan agihan keuntungan daripada pelaburan Mengemukakan cadangan untuk pelaburan baru dan penjualan saham kepada LPU



KAMPUS JELI
SCIENCE AND TECHNOLOGY ENTREPRENEURIAL CAMPUS



FUNGSI DAN BIDANG KUASA

MAJLIS ACTION GROUP FOR ENTREPRENEURSHIP UMK (AGE)	JAWATANKUASA PEMILIH UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
<ul style="list-style-type: none"> Menyumbang idea dan berkongsi pengalaman kepada UMK antaranya dalam aspek: <ol style="list-style-type: none"> aktiviti penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan; pembangunan dan pemantapan program akademik yang memenuhi permintaan dan keperluan industri; program sangkutan industri bagi staf dan penempatan latihan industri bagi pelajar; dan jalinan kerjasama dengan masyarakat dan industri 	<p>Jawatan Akademik Bagi Jawatan Kursi, Prof. Kanan Dan Profesor.</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan temu duga dan memperakukan keputusan temu duga kepada Majlis Pembangunan Sumber Manusia bagi mendapatkan kelulusan bagi mana- mana keputusan kenaikan pangkat. Memperakukan kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk mendapatkan kelulusan kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor Gred Khas C dan ke atas. <p>Jawatan Bukan Akademik Bagi Jawatan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan Dan Penasihat Undang-Undang.</p> <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) adalah bagi maksud mempertimbangkan pelantikan dan kenaikan pangkat pekerja Universiti

FUNGSI DAN BIDANG KUASA

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Rayuan Tatatertib mempunyai kuasa untuk menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai terhadap keputusan sesuatu Jawatankuasa Tatatertib. 	<ul style="list-style-type: none"> Laporan Ringkas Kes Pelajar Yang Melanggar Peraturan Peperiksaan Surat Makluman Keputusan Mesyuarat Senat Mengenai Kes Tatatertib Perbicaraan Keputusan

FUNGSI DAN BIDANG KUASA

UMK BUSINESS VENTURE SDN. BHD.

- **Fidusiari**
Bertindak untuk kepentingan syarikat, tidak menghadapi percanggahan kepentingan antara tugas untuk syarikat dan kepentingan diri dan menggunakan kuasa dan harta yang telah diamanahkan dengan tujuan yang sesuai atau diperuntukkan. Menjalankan tugas dengan berskil (kepakaran), berhati-hati dan berusaha sewajarnya.
- **Tugas statutori**
Menjalankan tugas dan memenuhi kewajiban mengikut peruntukan yang wujud dalam Akta Syarikat seperti :-
Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (Annual General Meeting)
Menyediakan dan menyerahkan kepada pendaftar Syarikat Penyata Pulangan Tahunan.
Menyimpan rekod perakaunan dengan sempurna- Membentangkan Akaun, Kunci Kira-Kira dan Laporan Pengarah Syarikat dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM).
Melantik Juruaudit pertama- Melantik Setiausaha yang berkeelayakan.
- **Kuasa Pengurusan**
Pengarah perlulah bertanggungjawab ke atas urusan tadbir Syarikat dan tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan untuk kepentingan diri atau pihak-pihak tertentu. Antara kuasa dan tugas yang diberikan kepada Pengarah mengikut Artikel adalah :-
 - i. Membayar kesemua perbelanjaan dalam promosi dan pendaftaran Syarikat.
 - ii. Menjalankan semua kuasa Syarikat untuk meminjam wang dan untuk menggadai atau menanggung aku janji, harta, dari modal yang tidak dipanggil.
 - iii. Menjalankan kesemua kuasa Syarikat yang berhubung dengan mana-mana menteri rasmi untuk kegunaan di luar Malaysia dan yang berhubung dengan daftar-daftar cawangan.
 - iv. Melantik mana-mana pihak untuk menjadi wakil Syarikat melalui surat kuasa wakil.
 - v. Menandatangani, mengeluarkan, menerima dan mengesahkan semua cek, nota perjanjian, draf, bil pertukaran dan lain-lain instrumen oleh mana-mana dua orang pengarah Syarikat atau apa-apa cara yang diputuskan dari semasa ke semasa.
- Tataujud UMKBV tiada memperuntukkan sebarang tugasan tambahan kepada Ahli Lembaga Pengarah. Justeru itu, Ahli Lembaga Pengarah UMKBV hanya terikat dengan Jadual A, pada Jadual Keempat, Peraturan Syarikat, Akta Syarikat 1965 dan Seksyen 211 hingga Seksyen 214, Subpenggal 3, Penggal 2, Akta Syarikat 2016.

Komitmen Ke Arah Anti RASUAH



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bilangan 8 Tahun 2020 (Kali Ke-221) yang bersidang pada 16 Ogos 2020 telah meluluskan pemakaian Arahan tersebut di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah UMK dan terma rujukan jawatankuasa serta penganjuran bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Pelan Antirasuah di UMK.

Objektif pemakaian Arahan tersebut di UMK ialah untuk memastikan pengurusan pentadbiran UMK bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah". Objektif penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah UMK ialah sebagai jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam pembangunan OACP di UMK. Terma rujukan bagi jawatankuasa ialah sebagaimana berikut:

- Merancang dan membincangkan pelaksanaan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang merangkumi
- aspek governan, integriti dan anti-rasuah serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.
- Bertanggungjawab dalam membuat penyelarasan pembangunan OACP dengan Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab bersama-sama dengan Unit Integriti. Justeru, Jawatankuasa bertindak sebagai sekretariat penyelarasan OACP yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaian OACP kepada Pengurusan Tertinggi UMK sekurang-kurangnya sebulan sekali.
- Jawatankuasa mempunyai autoriti dengan keizinan Pengurusan Tertinggi UMK untuk melaksanakan keterlibatan, perbincangan, semakan, kajian dan penelitian terhadap kelemahan governan, integriti dan antirasuah dalam organisasi.
- Jawatankuasa hendaklah melaksanakan pembangunan OACP UMK dalam tempoh yang mencukupi iaitu hendaklah tidak kurang daripada enam (6) bulan dan tidak lebih daripada satu (1) tahun.



- Jawatankuasa hendaklah memastikan Pusat Tanggungjawab melaksanakan analisis persekitaran semasa pembangunan OACP.
- Menganalisis data sebenar yang diambil bagi tempoh lima (5) tahun ke belakang berkaitan permasalahan / isu rasuah, integriti dan governan di organisasi sebelum bengkel dilaksanakan. Antara sumber data adalah daripada:
 - Statistik aduan salah laku kakitangan organisasi berkaitan (sumber dalaman dan luaran)
 - Laporan salah laku / tatatertib kakitangan organisasi berkaitan.
 - Laporan Ketua Audit Negara (melibatkan organisasi)
 - Laporan Tahunan Organisasi
 - Pelan Strategik Organisasi
 - Pelan Pengurusan Risiko Rasuah
 - Sistem Pengurusan Audit Nilai
 - Kajian-kajian melibatkan keberkesanan perkhidmatan organisasi
 - Kajian-kajian ilmiah berkaitan organisasi
 - Hasil kaji selidik
 - Lain-lain data yang bersesuaian.
- Menetapkan halatuju dan merangka OACP.
- Mengenalpasti bidang keutamaan yang perlu diberi tumpuan berdasarkan hasil analisis persekitaran dan corak aktiviti organisasi.
- Melaksanakan sesi brainstorming bersama Ketua-ketua PTj bagi membincangkan halatuju dan sasaran (visi, misi dan matlamat) OACP berdasarkan penemuan analisis persekitaran yang telah dilaksanakan. Justeru, halatuju dan sasaran OACP hendaklah mendukung visi, misi dan matlamat NACP.
- Membangunkan kerangka Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).
- Mengenalpasti strategi, objektif strategik dan pelan tindakan yang bersesuaian bagi menangani isu dan permasalahan berbangkit.

Mengenalpasti peneraju yang akan bertanggungjawab dalam melaksanakan setiap strategi dan pelan tindakan yang dirangka.

- Mengenalpasti tempoh masa bagi pelaksanaan strategi dan pelan tindakan OACP.
- Menetapkan indikator bagi mengukur pencapaian OACP untuk setiap strategi dan pelan tindakan.
- Membentangkan draf OACP dan mendapatkan pandangan dan penelitian daripada semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab dalam tempoh dua (2) minggu sebelum draf OACP dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi UMK untuk Pengesahan dan Pesetujuan.
- Mendokumenkan OACP yang telah dipersetujui dan diedarkan kepada warga UMK untuk rujukan dan panduan pelaksanaan.
- Membuat sesi penerangan OACP secara langsung dan dilaksanakan disemua peringkat PTj.
- Membuat penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan OACP pada setiap tahun sekali bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul.
- Melaksanakan tindakan pembaharuan OACP pada akhir tempoh pelan (3 tahun) dan hendaklah dikeluarkan pada tahun berikutnya.

Pengurusan Risiko UMK



Keurusetiaan Mesyuarat

PPQ juga merupakan Wakil Pengurusan Atasan dan urusetia bagi dua (2) jenis mesyuarat yang berfokus kepada kajian semula pengurusan iaitu mesyuarat Majlis Kualiti Universiti (MKU) dan pelaporan aktiviti pengurusan kualiti di peringkat PTj UMK iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Jabatan (JQJ).

Mesyuarat Majlis Kualiti Universiti (MKU)

Objektif penubuhan MKU adalah sebagai satu badan yang bertanggungjawab memandu arah perancangan, pelaksanaan aktiviti penjaminan dan penambahbaikan kualiti tadbir urus dan akademik secara berterusan di universiti. Tarikh Mesyuarat MKU seperti jadual di bawah;

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Majlis Kualiti Universiti (MKU) Bil 1/2021 (Suku Tahun Per - 1)	07 April 2021	Bilik Mesyuarat Senat, Aras 3, Bangunan Canselori, UMK Bachok
2.	Mesyuarat Majlis Kualiti Universiti (MKU) Bil 2/2021 (Suku Tahun Ke - 2, 2021)	27 Julai 2021	Bilik Mesyuarat Senat, Aras 3, Bangunan Canselori, UMK Bachok
3.	Mesyuarat Majlis Kualiti Universiti (MKU) Bil. 3/2021 (Suku Tahun Ke - 3, 2021)	29 November 2021	Google Meet
4.	Mesyuarat Majlis Kualiti Universiti (MKU) Bil. 4/2021 (Suku Tahun Ke - 4, 2021)	16 Februari 2022	Aplikasi Zoom

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Jabatan (JQJ)

Objektif mesyuarat JQJ adalah untuk membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan kualiti di semua Pusat Tanggungjawab akademik mahu pun bukan Akademik. Tarikh Mesyuarat JQJ seperti jadual di bawah.

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat JQJ Bil. 1/2021 (Sukuan Per-1 dan Ke-2, 2021)	02 Ogos 2021	Google Meet
2.	Mesyuarat JQJ Bil. 2/2021 (Sukuan Ke-3, 2021)	01 November 2021	Google Meet
3.	Mesyuarat JQJ Bil. 3/2021 (Sukuan Ke-4, 2021)	13 Februari 2022	Google Meet

Kawalan DALAMAN



Unit Audit Dalam (UAD) UMK telah ditubuhkan pada 8 April 2012 selaras dengan keperluan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998. UAD merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman UMK yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Audit (JKA) manakala dari aspek pentadbirannya UAD bertanggungjawab secara terus kepada Naib Canselor. UAD juga merupakan ahli korporat

The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM) sejak tahun 2016. Fungsi utama UAD adalah menjalankan pengauditan serta khidmat rundingan secara bebas dan berobjektif. UAD menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin bagi menilai dan menambahbaik keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus Universiti.

Jawatankuasa Audit (JKA)



Tan Sri Mohd Hashim Bin Abdullah
Ahli Lembaga Pengarah Universiti
Pengerusi



Puan Normalia Binti Ibrahim
Ahli Ganti LPU – Kementerian Pengajian Tinggi
Ahli



Puan Hasifah Binti Mohd Murtadza
Ahli Ganti LPU – Kementerian Kewangan
Malaysia
Ahli Sehingga Februari 2021



Puan Norhaslinda Binti Mat Isa
Ahli Ganti LPU – Kementerian Kewangan
Malaysia Ahli Bermula Mac Hingga Oktober
2021



Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad
Menjalankan Fungsi Naib Canselor
Ahli Turut Hadir



Puan Mazula Binti Sabudin
Pendaftar
Ahli Turut Hadir



Encik Mohd Yusri Bin Awang
Bendahari
Ahli Turut Hadir



Puan Wan Noor Azimah Binti Wan Muhammad
Ketua Audit Dalam
Setiausaha

Laporan Pengauditan Tahun 2021

1

Pengauditan Tadbir Urus, Kewangan Dan Aktiviti Utama Di Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)

Tempoh Pengauditan:
7 Mac - 13 Jun 2021
Dibentangkan dalam Mesyuarat JKA Bil. 3 Tahun 2021 pada 5 September 2021

Hasil Pengauditan:
UMK telah mengeluarkan proses kerja yang jelas bagi tempoh pengurusan bayaran bil kepada pembekal dan kontraktor bagi memastikan terdapat kawalan terhadap bil/invois daripada pembekal di peringkat PTJ dan Pejabat Bendahari.

2

Pengauditan Proses Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Pendaftaran

Tempoh Pengauditan:
24 Jun - 13 September 2021
Dibentangkan dalam Mesyuarat JKA Bil. 4 Tahun 2021 pada 5 Disember 2021

Hasil Pengauditan:
Pengesyoran daripada JKA agar kelulusan bagi staf yang dinaikkan pangkat pada tahun 2018 yang tidak dibuat melalui Lembaga Kenaikan Pangkat iaitu Mesyuarat Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) UMK di angkat semula dalam Mesuarat MPSM untuk pengesahan

3

Pengauditan Tadbir Urus, Kewangan dan Aktiviti Utama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)

Tempoh Pengauditan:
15 September - 31 Disember 2021
Akan Dibentangkan dalam Mesyuarat JKA Bil. 2 Tahun 2022

Hasil Pengauditan:
Pegawai yang dilantik sebagai Pegawai Aset PTJ perlu memastikan tugas-tugas pengurusan aset dan inventori pejabat dilaksanakan mengikut Tatacara Pengurusan Aset UMK

4

Pengauditan Pengesahan Pembahagian Keuntungan Penjualan Nombor Pendaftaran Kenderaan Khas UMK

Tempoh Pengauditan:
22 - 28 Disember 2021
Dibentangkan dalam Mesyuarat JKA Bil. 1 Tahun 2022 pada 23 Mac 2022

Hasil Pengauditan:
UMK telah memperolehi keuntungan sebanyak RM701,900.73 iaitu 70% daripada keseluruhan jumlah keuntungan jualan pada tahun 2021.





LAPORAN TAHUNAN **2021**
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN






Petunjuk KECEKAPAN UTAMA

Prestasi Pencapaian UMK

Petunjuk	2019	2020	2021
Peratusan kebolehpasaran graduan	91.9%	90.6%	89.8%
Peratusan penjanaan pendapatan berbanding perbelanjaan operasi	23%	30.8%	28.1%
Bilangan (Peratusan) pelajar antarabangsa	50%	69%	82.7%
Nisbah (jumlah) kumulatif sitasi	6.8	11.0	13.6
Bilangan produk penyelidikan dikomersialkan	5	6	4
Peratusan (Bilangan) Penyelidik Utama (PI) dalam geran penyelidikan	65.7%	79.6%	66%
Bilangan pingat emas/ khas dimenangi dalam pertandingan inovasi	30	55	95
Bilangan penerbitan artikel dalam jurnal dan prosiding berindeks WoS/SCOPUS	280	450	634
Bilangan program 'Work Based Learning' Baharu	2	5	1
Peratusan iGOT peringkat Sarjana Muda	90%	88%	86%
Peratusan kecikiran pelajar peringkat Sarjana Muda	6%	6.79%	6.15%
Peratusan staf akademik diiktiraf sebagai pakar rujuk	34.41%	40%	66%
Peratusan staf akademik berkelayakan professional atau pengalaman industri (sekurang-kurangnya 6 tahun secara kumulatif)	33.17%	65%	79%
Bilangan (peratusan) Usahawan Pelajar (SE)	694	1,424	1,701
Peratusan graduan yang bekerja sendiri (GE)	9.76%	14.8%	11.4%
Bilangan (peratusan) kepakaran tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan	81	90	88

PENCAPAIAN KPI UTAMA


Kebolehpasaran GRADUAN




Pada tahun 2021, peratus kebolehpasaran graduan UMK ialah sebanyak 89.8% sedikit menurun berbanding tahun 2020 iaitu 90.6%. Penurunan pencapaian ini adalah disebabkan pandemik covid 19 dan tempoh kawalan pergerakan (PKP) telah menghadkan peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun peratus pencapaian ini masih melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh KPT iaitu 80%

Penjanaaan PENDAPATAN


Pada tahun 2021, UMK berjaya menjana pendapatan sendiri sebanyak 33.56% berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 33.45% melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 20%. Pencapaian ini adalah hasil dapatan daripada Penjanaaan Pendapatan Sendiri iaitu sebanyak RM48,062,053. dan Belanja Mengurus sebanyak RM143,220,532.




Pelajar ANTARABANGSA



Kumulatif SITASI




Pencapaian Nisbah Kumulatif Sitasi terus menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Pencapaian cemerlang ini merupakan hasil dari inisiatif Universiti memperkenalkan Skim Insentif Pembiayaan dan Kolaborasi Penerbitan, Skim Pasca Doktorat (Penerbitan) dan UMK Rising Star.




Penerbitan WOS / SCOPUS

Pencapaian penerbitan bagi SCOPUS dan Web of Science (WoS) terus menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Pencapaian cemerlang ini merupakan hasil daripada pelbagai inisiatif yang telah dilakukan oleh Universiti iaitu dengan memperkenalkan Skim Insentif Pembiayaan dan Kolaborasi Penerbitan, Skim Pasca Doktorat (Penerbitan) dan UMK Rising Star. Berikut merupakan Pencapaian Penerbitan SCOPUS dan WoS bagi tahun 2021.




iGOT PELAJAR



Pada tahun 2021, peratus pelajar bidang sarjana muda yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan ialah sebanyak 86% melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 85%. Kejayaan ini adalah hasil usaha pihak universiti memperkasakan Penasihat Akademik di fakulti.


Keciciran PELAJAR

Pada tahun 2021, kecaciran pelajar UMK peringkat Sarjana Muda adalah sebanyak 6.15% masih diparas 7% sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian. Pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh pihak Universiti antaranya menawarkan program lain jika pelajar mohon tarik diri disebabkan tidak berminat program pengajian.



Syarikat Siswa UNIVERSITI (SSU)

793




Pada tahun 2021, UMK telah menerima pendaftaran syarikat pelajar semasa masih melanjutkan pengajian ialah sebanyak 793 buah syarikat berbanding tahun 2020 iaitu 776 buah. Peningkatan ini disebabkan pelbagai inisiatif yang telah disediakan oleh pihak universiti antaranya ialah mempergiatkan aktiviti dan program keusahawanan dalam kalangan pelajar, staf pentadbiran dan dan staf akademik.


Usahawan PELAJAR

Tahun Pengajian dan Pelajar

- Tahun 1 : 151 orang
- Tahun 2 : 777 orang
- Tahun 3 : 413 orang
- Tahun 4 : 288 orang
- Tahun 5 : 2 orang



Graduan USAHAWAN



Pada tahun 2021, UMK telah berjaya memperolehi mata nilai peratus Graduan Usahawan sebanyak 11.4% sedikit menurun daripada pencapaian tahun 2020 iaitu 14.8%. Penurunan ini disebabkan pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



LAPORAN
TAHUNAN **2021**
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





LAPORAN
 PENCAPAIAN
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ENTREPRENEURSHIP
 IS OUR THRUST

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust




SUMBER MANUSIA



Jumlah staf UMK pada 31 Disember 2021 ialah seramai 1,293 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 545 orang adalah staf akademik manakala selebihnya iaitu 748 orang adalah staf pentadbiran. Staf akademik aktif pada 31 Disember 2021 ialah seramai 496


orang manakala selebihnya 49 staf sedang bercuti belajar, cuti sabbatical, post doktoral, dipinjamkan ke agensi lain dan cuti tanpa gaji.

Perincian DATA



(Data hingga 31 Dis 2021)


Perincian jumlah STAF



Staf Akademik ANTARABANGSA

Pelantikan staf akademik antarabangsa merupakan satu inisiatif yang diambil bertujuan untuk mengantarabangsakan institusi serta mendapatkan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Sasaran staf akademik antarabangsa tahun 2021 adalah sebanyak 10% daripada jumlah staf akademik aktif. Pada 31 Disember 2021 jumlah staf akademik antarabangsa UMK adalah seramai 34 orang dari 13

negara atau 6.84% daripada jumlah staf akademik aktif (497 orang). Walaupun penularan pandemik COVID-19 menjadi cabaran utama, peratusan staf akademik antarabangsa dapat ditingkatkan sebanyak 0.61% berbanding tahun 2020.



Perincian Staf Antarabangsa tahun 2021

Pemeriksaan BAKAT

Selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bagi Lonjakan ke-2 iaitu Kecemerlangan Bakat maka Pengurusan Bakat berasaskan kompetensi khususnya di Universiti Awam merupakan keutamaan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha mentransformasikan pengurusan sumber manusia melalui elemen kompetensi. Berasaskan kepada agenda ini juga, pihak Kementerian menerusi Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah merencanakan pendekatan secara kolaboratif bersama dengan Universiti-Universiti Awam untuk melaksanakan pembangunan modal insan dan pengurusan bakat demi kelangsungan pemantapan penyampaian kerja berprestasi tinggi khususnya kepada pembangunan kepimpinan pendidikan tinggi negara.

Justeru, Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (Competency Based Talent Management (CBTM) telah dibangunkan sebagai platform bagi membantu Universiti -Universiti awam dalam membangun dan merembentuk satu kerangka penilaian

yang bersesuaian berdasarkan acuan (niche) Universiti masing-masing dalam memacu kepada budaya kerja organisasi yang terbaik dan cemerlang. Dalam konteks ini UMK tidak terkecuali dimana penilaian secara kompetensi berdasarkan elemen CBTM ini perlu dibangunkan secara komprehensif.

Proses pemeriksaan bakat staf UMK dengan berteraskan Model kompetensi (Competency Based Talent Management-CBTM) telah dimulakan pada tahun 2019 iaitu menerusi penubuhan Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat di bawah Pejabat Pendaftar UMK dan proses mentransformasikan pengurusan sumber manusia UMK secara keseluruhannya menerusi pelaksanaan kaedah penilaian berasaskan Model ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Pengurusan Sumber Manusia (MPSM) Bilangan 1/2020 (Kali ke-38). Pelaksanaan pembangunan kompetensi di UMK banyak mendapat sokongan dari pihak Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) KPT bukan hanya dalam konteks dana bahkan juga sokongan dan penyelaruran ilmu CBTM itu sendiri.

Pingat EMAS

Memenangi pingat emas pada Karnival Inovasi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menerusi projek Sistem CBTM DASNA (Data Analytic and Social Network Analysis). Sistem ini adalah yang pertama seumpamanya yang dibangunkan di Universiti Awam (UA) khusus bagi tujuan plot dan pemetaan data jaringan berdasarkan hasil penilaian kompetensi yang telah dijalankan.



Geran UMK NICE

Mendapat Geran UMK NICE (UMK Non Academic Research For Innovation and Creativity Enhancement) berjumlah RM 6,000 iaitu menerusi projek Kajian Aplikasi Teknik Behavioral Event Interview (BEI) bagi Pelan Penggantian Jawatan Pendaftar UMK. Projek ini dijalankan bermula 21 April 2021 sehingga 21 April 2022.



Kunjungan dari Pusat Pembangunan Profesional Dan Kepimpinan UKM

Delegasi dari UKM ini terdiri dari Pengarah Pusat berkenaan iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Suhaimi bin Mohamad, Puan Zoraini binti Ibrahim Timbalan Pengarah Pembangunan Kompetensi serta Ketua Bahagian Pentadbiran Pusat Profesional UKM iaitu

Puan Siti Nora Mhd. Isa. Menerusi sesi lawatan ini, perkongsian amalan pelaksanaan CBTM antara UKM dan UMK serta kerjasama susulan juga telah dibincangkan secara bersama.


AKADEMIK & ANTARABANGSA

Enrolmen PELAJAR



(Jumlah enrolmen pelajar UMK sehingga 22 Feb 2022)


Graduan Istiadat KONVOKESYEN



Pada tahun 2021, UMK telah mengadakan Majlis Istiadat Konvokesyen Kali ke-10 dan Ke-11 pada 20 hingga 25 November 2021 bertempat di Dewan Tuanku Canselor Universiti

Malaysia Kelantan di Bachok. Majlis istiadat diadakan secara hibrid iaitu sebahagian diadakan secara fizikal dan sebahagian lagi diadakan secara maya.

Jumlah Kumulatif GRADUAN UMK



(Data sehingga Dis 2021)

Kemasukan PELAJAR

Webinar
HYBRIDOGOGY
Pushing Beyond Boundaries
CONCEPTS
28 OCTOBER 2021 | 10:00 AM
 Organized by: Centre for Academic Excellence & Development

Panelist
PROF. DR. SURIA BINTI BABA
 Director
 Centre for Academic Excellence & Development


Panelist
EN. AHMAD ZAKI BIN AMIRUDDIN
 Head of Teaching & Learning Innovation
 Centre for Academic Excellence & Development

Moderator
PROF. MADYA DR. MOHAMAD NAJMI BIN MASRI
 Deputy Director, Teaching & Learning Innovation & Academic Leadership Section
 Centre for Academic Excellence & Development

YouTube Channel eCampus UMK | Facebook LIVE Pejabat TNCAA UMK

Pada tahun 2021, UMK giat melakukan persiapan untuk menerima kemasukan pelajar Sesi Akademik 2021/2022. Pada Sesi Akademik 2021/2022, UMK telah melaksanakan kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara hibrid selaras dengan Pekeliling Akademik Bilangan 5/2021 yang telah dikeluarkan. Pendaftaran pelajar baharu bagi Sesi Akademik 2021/2022 dilaksanakan secara dalam talian pada 2 Oktober 2021, manakala kelas bagi pelajar baharu dan kanan akan bermula pada 10 Oktober 2021.

UMK juga mempunyai pelan pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran-Dalam Talian (PdP-DT) Fasa ke-4 yang dirancang iaitu Pembelajaran Dalam Talian sepenuhnya menggunakan platform rasmi LMS eCampus untuk semua kursus yang tidak memerlukan bersemuka kecuali PdP yang melibatkan makmal, bengkel dan studio. Pembelajaran Teradun Gantian masih boleh dilaksanakan dengan maksimum 80 peratus dalam talian dan 20 peratus secara bersemuka.



Pembangunan Dan Pengiktirafan PROGRAM AKADEMIK



Program Peringkat PRASISWAZAH

Sehingga tahun 2021, UMK menawarkan sebanyak 28 program akademik di peringkat prasiswazah yang ditawarkan melalui 9 buah fakulti. Daripada jumlah itu, sebanyak 23 daripada 28 program akademik prasiswazah yang ditawarkan dan telah matang penawarannya telah mendapat Akreditasi Penuh daripada pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Program ini telah disenaraikan dalam Laman Web Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) yang juga membawa maksud kepada pengiktirafan Kerajaan Malaysia dan akan disyorkan nilai taraf Perkhidmatan Awam berdasarkan keperluan yang ditetapkan dalam skim-skim Perkhidmatan Awam.

Pada tahun 2021, terdapat tiga (3) program telah lulus Akreditasi Sementara MQA dan lulus Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) untuk ditawarkan. Tiga program tersebut ialah:

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian (Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan) (Lulus ditawarkan pada Semester 2, Sesi 2020/2021).
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi) (Lulus ditawarkan pada Semester 2, Sesi 2020/2021); dan
- Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Keusahawanan (Kepujian) (Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan). (Lulus ditawarkan pada Semester 1, Sesi 2021/2022)



BIL	PROGRAM	KOD PROGRAM MQA	STATUS AKREDITASI
FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN (FKP)			
1	Sarjana Muda Keusahawanan (Perdagangan) dengan Kepujian	MQA/FA 4824	Akreditasi Penuh
2	Sarjana Muda Keusahawanan (Logistik dan Perniagaan Pengedaran) dengan Kepujian	MQA/FA 5880	
3	Sarjana Muda Keusahawanan (Peruncitan) dengan Kepujian	MQA/FA 5882	
4	Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dengan Kepujian	MQA/FA 5881	
5	Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian	MQA/FA 7929	
6	Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	MQA/PA 13447	Akreditasi Sementara
FAKULTI PERUBATAN VETERINAR (FPV)			
7	Doktor Perubatan Veterinar	MQA/FA 4931	Akreditasi Penuh
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN (FTKW)			
8	Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian	MQA/FA 11372	Akreditasi Penuh
9	Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian	MQA/FA 11373	
FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI (FIAT)			
10	Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Peternakan) dengan Kepujian	MQA/FA 4888	Akreditasi Penuh
11	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) dengan Kepujian	MQA/FA 4890	
12	Sarjana Muda Sains Gunaan (Agroteknologi) dengan Kepujian	MQA/FA 10466	
13	Sarjana Muda Sains Gunaan (Jaminan Makanan) dengan Kepujian	MQA/FA 3168	
FAKULTI SAINS BUMI (FSB)			
14	Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) dengan Kepujian	MQA/FA 4265	Akreditasi Penuh
15	Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) dengan Kepujian	MQA/FA 4266	
16	Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) dengan Kepujian	MQA/FA 10465	
FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN (FHPK)			
17	Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) dengan Kepujian	MQA/FA 4821	Akreditasi Penuh
18	Sarjana Muda Keusahawanan (Kesejahteraan) dengan Kepujian	MQA/FA 4822	
19	Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) dengan Kepujian	MQA/FA 4823	

FAKULTI BIOKEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI (FBKT)

20	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) dengan Kepujian	MQA/FA 4889	Akreditasi Penuh
21	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) dengan Kepujian	MQA/FA 0557	
22	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Sumber Hutan) dengan Kepujian	MQA/FA 1110	
23	Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian	MQA/ PA 13774	Akreditasi Sementara

FAKULTI SENIBINA DAN EKISTIK

24	Sarjana Muda Sains Senibina dengan Kepujian	MQA/FA5550	Akreditasi Penuh
25	Sarjana Muda Senibina Landskap dengan Kepujian	MQA/FA5548	Akreditasi Penuh
26	Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian	MQA/PA 5549	Dalam proses Penilaian Akreditasi Penuh


FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN (FBI)

27	Sarjana Muda Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris	MQA/PA 9480	Akreditasi Sementara
28	Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Keusahawanan (Kepujian)	MQA/ PA13800	Akreditasi Sementara


PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Geran PENYELIDIKAN

Pada tahun 2021, UMK telah berjaya memperoleh sebanyak 141 projek penyelidikan baharu yang memberikan jumlah keseluruhan peruntukan geran sebanyak RM8,399,212.85 dan telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu RM8juta. Peningkatan ini adalah hasil usaha pihak universiti dengan mempelbagaikan inisiatif program penyelidikan.




Jumlah Pencapaian PINGAT / ANUGERAH



Pada tahun 2021, UMK telah berjaya memperoleh 96 Pingat Emas dan Anugerah Khas seterusnya memenuhi KPI yang ditetapkan iaitu sebanyak 30 Pingat Emas dan Anugerah Khas berbanding tahun 2020 sebanyak 57 Pingat Emas dan Anugerah Khas yang diperolehi. Pencapaian membanggakan ini adalah hasil dari pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh pihak universiti untuk menaikkan nama UMK di peringkat nasional dan antarabangsa.


SITASI



Pencapaian Nisbah Kumulatif Sitasi terus menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Pencapaian cemerlang ini merupakan hasil dari pelbagai inisiatif yang diperkenalkan antaranya Skim Insentif, Pembiayaan dan Kolaborasi Penerbitan, Skim Pasca Doktor (Penerbitan) dan UMK Rising Star.

Penerbitan SCOPUS / WOS

Pencapaian penerbitan bagi SCOPUS dan Web of Science (WoS) terus menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Pencapaian cemerlang ini merupakan hasil dari inisiatif Universiti memperkenalkan Skim Insentif Pembiayaan dan Kolaborasi Penerbitan, Skim Pasca Doktor (Penerbitan) dan UMK Rising Star. Berikut merupakan Pencapaian Penerbitan SCOPUS dan WoS bagi tahun 2021 (sehingga 16 Jan 2022).



UMK Rising STAR

UMK RISING STAR 2021

Daripada:
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi,
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan

TS. DR. MAZLAN BIN MOHAMED
FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI

PROF. MADYA DR. MUHAMMAD AZWADI BIN SULAIMAN
FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI

TS. DR. MARDAWANI MOHAMAD
FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI

PROF. MADYA DR. MOHD HAZIM MOHAMAD ALVIN
FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI

DR. BOON JIA GENG
FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI

TS. DR. SHARIZAL AHMAD SOBRI
FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI

DR. ROSLIZAWATI CHE AZIZ
FAKULTI HOSPITALITI, RESTORAN DAN KEBEJANTERAAN

DR. DERWEANNA BINTI BAN SIMPONG
FAKULTI HOSPITALITI, RESTORAN DAN KEBEJANTERAAN

DR. MOOR HAFIZON SAIDAN
FAKULTI INDUSTRI ASAS TRAI

DR. KHARIYAH BINTI MAT
FAKULTI INDUSTRI ASAS TRAI

DR. MOOR RAHANI BINTI ZAINOL
FAKULTI KESUSAHAN DAN PERUSAHAAN

DR. MOORUL AZWIN BINTI MD NASIR
FAKULTI KESUSAHAN DAN PERUSAHAAN

DR. MOHD FARHAN HANIF BIN REDUAN
FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

TS. DR. SUGANTHI APPALASAMY
FAKULTI SAINS BUMI

CHM. DR. MIK RAHANI BT MIK YUSOFF
FAKULTI SAINS BUMI

DR. AMAL NAJIBAH MUHAMAD NOR
FAKULTI SAINS BUMI

DR. WAN SAIFUL NIZAM BIN WAN MOHAMAD
FAKULTI SENIINA DAN EGSIK

UMK
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

THE IMPACT RANKINGSS 2021

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

OfficialUMK
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP
is our Way!

Kita
#BinaLagasiUMK
Bersama

#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream

Seramai 17 staf akademik telah berjaya dipilih sebagai UMK Rising Star 2021 selepas melepasi kesemua syarat yang ditetapkan dan dianugerahkan geran khas bagi mencapai KPI serta objektif program ini.

Program ini merupakan program khas yang diperkenalkan untuk membimbing saintis muda melalui bimbingan dan kursus yang telah disusun bagi memastikan objektif utama program iaitu menjadi pakar bidang dan menjadi pelapis kepada pakar sedia ada tercapai.

Penarafan ANTARABANGSA



QS World University Rankings : Asia 2021

Pada tahun 2021 UMK berjaya buat pertama kalinya tersenarai dalam QS World University Rankings Asia. Terdapat 11 kriteria dalam pemilihan yang dibuat iaitu reputasi majikan, nisbah penuntut kepada fakulti, kaitangan dengan PhD, nisbah sitasi kepada artikel, nisbah artikel kepada fakulti, jaringan penyelidikan antarabangsa, penuntut antarabangsa, staf akademik antarabangsa, pelajar antarabangsa dan pertukaran inbound serta outbound





THE Impact Rankings 2021

THE mengambil kira petunjuk yang menilai pencapaian universiti berdasarkan 17 matlamat pembangunan lestari yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) atau dikenali sebagai 17 United Nation's Sustainable Development Goals (SDG).



Pendaftaran Harta INTELEK

Pada tahun 2021, UMK telah mencatat peningkatan dalam pendaftaran Harta Intelek yang terdiri daripada Hak Cipta, Cap Dagang, Reka bentuk Industri dan Paten sebanyak 34 menjadikan jumlah keseluruhan pendaftaran Harta Intelek adalah 98 berbanding tahun 2020 sebanyak 64. Peningkatan ini adalah hasil daripada usaha dan inisiatif pihak Universiti mengadakan beberapa siri bengkel dan taklimat mengenai pendaftaran harta intelek kepada semua staf UMK. Pihak Universiti turut memproses sendiri pendaftaran harta intelek sekali gus menjimatkan kos pendaftaran tanpa membayar perkhidmatan agen dengan harga yang jauh lebih tinggi.



Pendaftaran Paten Produk Inovasi UMK

Sebanyak 11 produk penyelidik UMK telah berjaya didaftarkan paten melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah program Bengkel Penyediaan Dokumen Pemfailan Paten anjuran Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD).

Produk tersebut ialah:

1. Formulation For Polyhexamethylene Biguanide (PHMB), Graphene, Purified Water And Block Polymers For Skin Infections In Animal.
2. A Computerized Method For Talent Shortage Evaluation.
3. Compost Machine.
4. Method For Producing A Stable Hybrid Organic Nano-Reinforcement.
5. A Method of Producing A Clay - Based Porous Ceramic For Thermal Insulating Application.
6. A Modular Furniture.
7. Integrated Solar Dryer (INSOLER).
8. An Improved Method To Isolate DNA Using Organic Acid.
9. Microwave Absorption On SIC/Feldspar Susceptor.
10. Human Intelligence Performance Prediction Based on Ai Methods.
11. Artificial Intelligence System And Method For Sustainable Social Finance Data Prediction.

Tahniah
ATAS KEJAYAAN MEMFAILKAN PATEN BAGI

Integrated Solar Dryer (INSOLER)
No. Pendaftaran: PI2021002174

Universiti Malaysia Kelantan & Universiti Malaysia Sabah
(Pemilik bersama bagi Paten Instruktur)

Penyelidik Utama:
Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah
Prof. Madya Dr. Jidon @ Adrian bin Janaun

Penyelidik Bersama:
Ts. Dr. Sarizam Bin Mamat
Ts. Dr. Mazlan Bin Mohamed
Dr. An'am Bin Mohamed Noor
Cik Adeline Tan Szu Ting

Tahniah
ATAS KEJAYAAN MEMFAILKAN PATEN BAGI

Human Intelligence Performance Prediction Based on Ai Methods
No. Pendaftaran: PI2021004088

Artificial Intelligence System And Method for Sustainable Social Finance
No. Pendaftaran: PI2021004089

Penyelidik Utama:
Prof. Dr. Raja Suzana Binti Raja Kasim



Pusat Teknokeusahawanan Industri PERLOMBONGAN DAN MAKANAN

UMK memperuntukan hampir RM3.4 juta bagi projek pembangunan fasa pertama Pusat Teknokeusahawanan Emas Logam Bumi dan Bahan atau Gold, Rare Earth and Material Technopreneurship Centre atau GREAT dan Kompleks Inkubator Inovasi dan Keusahawanan (Innovation and Entrepreneurship Incubator Complex IEIC).

Kedua-dua projek ini adalah inisiatif UMK untuk mewujudkan industri dalam kampus atau industry at university (I@U) yang bertujuan mendedahkan pelajarinya kepada dunia sebenar industri di kawasan kampus.

Pusat ini bakal dilengkapi dengan pelbagai kemudahan berteknologi tinggi untuk memberi perkhidmatan dan konsultasi kepada pelanggan berkaitan teknologi makanan dan juga perlombongan.

Inisiatif ini akan mendedahkan pelajar UMK kepada situasi sebenar perniagaan dan industri sesuai dengan misi dan visi UMK sebagai universiti keusahawanan tersohor di peringkat global menerusi Pelan Strategik UMK (PSU) 2021-2025.



PEMBANGUNAN HAL EHWAL PELAJAR

Dana PENJANA KPT Career Advancement Programme (CAP)

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Career Advancement Programme (CAP) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi atau dikenali PENJANA KPT-CAP adalah inisiatif kerajaan dalam menangani cabaran kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran akibat penularan wabak COVID-19. Dana sebanyak RM100 juta diperuntukkan sebagai usaha untuk menangani kegusaran berhubung keadaan ekonomi Malaysia, khususnya berkaitan peluang pekerjaan dalam kalangan belia negara. Dana ini baru sahaja diperkenalkan iaitu pada 28 September 2020 yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Antara objektif pelaksanaan program ini adalah:

Melalui inisiatif Penjana KPT-CAP, program reskilling dan upskilling akan dilaksanakan sebagai usaha membantu meningkatkan kemahiran dan kebolehan bagi melahirkan graduan berketrampilan untuk memenuhi pasaran kerja bersesuaian selain menangani isu graduan menganggur.

Antara tiga teras utama yang akan ditekankan dalam pelaksanaan program ini ialah melalui Place and Train atau latihan dan penempatan, selain tumpuan kepada sektor ekonomi gig serta keusahawanan.

Graduan yang mengikuti kursus ini akan mendapatkan pekerjaan terjamin, sekurang-kurangnya untuk tempoh masa antara 6 hingga 12 bulan yang akan datang. Ini sekaligus akan meningkatkan Kebolehpasaran Graduan UMK.

Nilai keseluruhan Dana KPT yang diterima sebanyak RM1,405,215.00

Pada tahun 2021, UMK juga telah menerima 4 kelulusan dana PENJANA KPT-CAP seperti berikut:

Kursus Profesional Estetik bernilai RM99,400.00.

Certificate of Completion in Wellness Operations bernilai RM585,600.00

Kursus Penasihat Kewangan Islam, Bernilai RM245,500.00

Plant Project & Maintenance Industry Management (Entry Level), RM474,715.00

Kebajikan dan Bantuan Kepada PELAJAR

Universiti sentiasa mengambil berat kebajikan pelajar khususnya pelajar di bawah kategori B40 sewaktu pandemik Covid-19 yang telah berlarutan selama dua tahun bermula pada 18 Mac 2020. Pelbagai bantuan telah disalurkan melalui sumber dalaman Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Kementerian Pengajian Tinggi dan sumbangan pihak luar.

Sepanjang tahun 2021 sejumlah RM10,742,632.50 telah diagihkan kepada pelajar dalam pelbagai bentuk bantuan merangkumi pen-

daian makanan untuk pelajar kuarantin, bantuan musibah banjir, insentif kepada pelajar menjalani latihan industri, bantuan data internet dan lain-lain.


HEPA telah memberikan bantuan sebanyak RM9,005,595.00 manakala Pusat Islam Universiti sebanyak RM1,370,031.50 dan selebihnya adalah dari sumber luar.



Agihan makanan kepada pelajar yang pulang ke kampung halaman selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bersama pihak Malaysia Relief Agency (MRA)




Pecahan Pelajar Mengikut Pengelasan Isi RUMAH




KATEGORI B40

- B1 : Kurang - RM 2,500
- B2 : RM 2,501 - RM 3,170
- B3 : RM 3,171 - RM 3,970
- B4 : RM 3,971 - RM 4,850



KATEGORI M40


- M1 : RM 4,851 - RM 5,880
- M2 : RM 5,881 - RM 7,100
- M3 : RM 7,101 - RM 8,700
- M4 : RM 8,701 - RM 10,970



KATEGORI T20

T1 : RM 10,971 - RM 15,040

T2 : > RM 15,041



Kebajikan pelajar sentiasa DIUTAMAKAN



BANTUAN 2021 KEPADA PELAJAR UMK

RM10,705,992.50

BANTUAN DARI KPT/UMK RM8,968,955.00

PENGURANGAN YURAN BERULANG KEPADA PELAJAR PRASISWAZAH TEMPATAN BAGI PENGINAPAN PELAJAR, PERKHIDMATAN, AKTIVITI PELAJAR DAN PERPUSTAKAAN PADA SEMESTER SEPTEMBER SESI 2020/2021
RM4,677,210.00

PENGURANGAN YURAN BERULANG KEPADA PELAJAR PRASISWAZAH TEMPATAN BAGI PENGINAPAN PELAJAR DAN AKTIVITI PELAJAR PADA SEMESTER FEBRUARI SESI 2020/2021
RM2,164,975.00

BANTUAN KEWANGAN BAGI PEMBELIAN PELAN DATA INTERNET SEBANYAK RM100.00 SEORANG KEPADA SEMUA PELAJAR PASCASISWAZAH DAN PRASISWAZAH BAGI SESI SEPTEMBER 2020/2021
RM1,088,600.00

BANTUAN JUADAH BERBUKA PUASA KEPADA PELAJAR 2 KALI SEMINGGU UNTUK KETIGA-TIGA KAMPUS
RM18,000.00

BANTUAN MAKANAN PERCUMA KEPADA PELAJAR YANG DIKUARANTIN (KONTAK RAPAT B DAN C) DI KOLEJ KEDIAMAN
RM40,000.00

SUBSIDI BAYARAN TIKET BAS PELAJAR PULANG BERHARI RAYA (RM20.00 PER PELAJAR) UNTUK 524 ORANG PELAJAR
RM10,480.00

BANTUAN DATA INTERNET KEPADA PELAJAR KAMPUS JELI (YANG TERKESAN KERANA TERPUTUS BEKALAN ELEKTRIK)
RM7,500.00

BANTUAN JUADAH HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA PELAJAR UNTUK KETIGA-TIGA KAMPUS
RM13,110.00

BANTUAN PERANTI (KOMPUTER RIBA) KEPADA PELAJAR B40 UMK YANG TERKESAN BANJIR
RM6,000.00

BANTUAN INSENTIF PRIHATIN UNIVERSITI KEPADA PELAJAR B40 DAN M40 YANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI
RM487,100.00

BANTUAN INSENTIF PRIHATIN UNIVERSITI (RAYUAN) KEPADA PELAJAR B40 DAN M40 YANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI
RM66,200.00

BANTUAN KHAS PELAJAR PULANG SEMPENA CUTI AKHIR SEM FEB SESI 2020/2021
RM20,000.00

BANTUAN KOTAK MAKANAN KEPADA PELAJAR UMK YANG TERKESAN BANJIR
RM490.00

PEMBERIAN BAUCAR MAKANAN (FOOD@CAMPUS)
RM168,000.00

BANTUAN PRIHATIN SISWA KEPADA PELAJAR B40
RM150,000.00

PROGRAM BAKUL RAMADHAN PELAJAR LUAR KAMPUS
RM4,000.00

BANTUAN TUNAI KEPADA PELAJAR UMK YANG TERKESAN BANJIR
RM2,800.00

BANTUAN KOMPUTER RIBA KEPADA PELAJAR (HEPA)
RM19,490.00

BANTUAN MUSIBAH BANJIR
RM25,000.00

BANTUAN DARI PUSAT ISLAM UNIVERSITI RM1,370,031.50

BANTUAN DARI LUAR UNIVERSITI RM367,006.00

BANTUAN KEWANGAN BAGI KEMUDAHAN PELAN DATA INTERNET
RM 1,088,600
kepada semua pelajar UMK bagi Sesi September 2020/2021
Penyaluran bantuan bermula **19 JANUARI 2021** secara berperingkat

TERIMA KASIH
RM65,000
atas Bantuan Mahasiswa Anak Johor B40
kepada 325 orang pelajar sebanyak RM 200 seorang

TERIMA KASIH
RM40,000
atas Sumbangan Dana Program Keusahawanan Asnaf Siswa (Agropreneur Siswa)
kepada 20 orang pelajar UMK

TERIMA KASIH
RM100,000
atas Bantuan Awal Pengajian
kepada 100 orang pelajar baharu UMK Sesi September 2020/2021





Kepimpinan melalui teladan terpancar pada sikap ringan tulang dan sifat keperihatinan Prof. Dr. Razli bin Che Razak, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK semasa Misi bantuan banjir YB Menteri Pengajian Tinggi sekitar daerah Rantau Panjang bersama staf dan pelajar UMK.

Operasi Penghantaran Pelajar PULANG

Pada tahun ini, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah membenarkan pelajar untuk pulang ke kampung kediaman pada cuti hari Raya Aidilfitri. Operasi ini telah berjaya dijalankan dengan jayanya dengan mematuhi SOP kesihatan yang ketat.



Kunjungan Hormat Kepada YB Timbalan Kewangan 1

Kunjungan hormat YBhg. Prof TNC HEPA UMK kepada YB Timbalan Menteri Kewangan 1 adalah bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan kebajikan pelajar dan perancangan yang boleh memberikan manfaat kepada pelajar UMK pada masa akan datang.



Kunjungan Hormat Kepada YB Pengerusi FELCRA

Kunjungan hormat YBhg. Prof TNC HEPA UMK kepada YB Pengerusi FELCRA diadakan pada 28 Oktober 2021 adalah untuk berbincang dan mendapatkan pandangan serta cadangan bagi pembangunan mahasiswa khususnya mahasiswa UMK.



Kunjungan Hormat Kepada YB Menteri Pembangunan Luar Bandar (KPLB)


Kunjungan hormat YBhg. Prof TNC HEPA UMK kepada YB Menteri Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah diadakan pada 27 Oktober 2021. Tujuan utama kunjungan hormat ini adalah untuk memohon bantuan kebajikan pelajar, iaitu memohon pihak MARA Liner mewujudkan laluan bas baharu di sekitar Kampus Bachok dan Kampus Kota bagi memudahkan pelajar menggunakan perkhidmatan awam untuk masuk ke kampus. Selain itu juga, memohon untuk mengadakan Kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi memberi bantuan dan manfaat kepada pelajar dari golongan orang asli di UMK.

Program Saringan Kesehatan Kemasukkan Pelajar Secara FIZIKAL

Kemasukan pelajar bagi pembelajaran secara fizikal telah bermula bagi sesi Februari 20/21 dan September 21/22 dan PKU telah berperanan bagi membuat penilaian risiko dan status kesihatan pelajar bagi tujuan mengelakkan penyebaran penyakit Covid-19 di dalam kampus.

Bagi Semester Februari 20/21, ianya melibatkan kemasukan secara 2 fasa yang telah diadakan bermula 1 Mac 2021. Hampir 1,720 telah disaring bagi kemasukan ini. Manakala bagi Semester Semptember 21/22 pula, kemasukan pelajar bermula 15 Oktober 2021 dan hampir 3,120 pelajar telah menjalani saringan.


Pelajar yang mempunyai gejala dan berisiko akan diasingkan dan diberikan rawatan yang lanjut. Secara keseluruhan, penyebaran wabak Covid-19 semasa sesi kemasukan tersebut adalah terkawal.



KEUSAHAWANAN




Syarikat Siswa Universiti (SSU)



Pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 793 syarikat pelajar telah di daftarkan di bawah Suruhajaya Syarikat Universiti (SSU) berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 776 buah syarikat. Peningkatan ini adalah hasil inisiatif pihak UMK dalam mempergiat dan memperkasakan pelbagai aktiviti keusahawanan di UMK.

Usahawan Pelajar (SE)



Tahun 2021 menunjukkan peningkatan seramai 1,701 orang usahawan pelajar telah didaftarkan di bawah Suruhajaya Syarikat Universiti (SSU) berbanding tahun 2020 seramai 1,424 orang usahawan pelajar. Purata keuntungan kasar yang diperolehi ialah dari RM500 sehingga RM5,000 sebulan.

IKON Usahawan PELAJAR

Usahawan pelajar, saudari Wan Nurul Pencapaian terbaik beliau sebagai Aida Nazwa binti Wan Ahmad, Pelajar usahawan pelajar adalah telah mumpuni Tahun 2 dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) yang menjalankan dengan jualan tahunan sebanyak perniagaan dengan jenama pakaian sendiri iaitu Dwans Collection. Kejayaan beliau dibantu menerusi didikan dan tunjuk ajar daripada mentor iaitu pensyarah dari FKP.

Bersama

IKON USAHAWAN PELAJAR

**“Usahawan E-Dagang :
Pandemik, Cabaran & Solusi ”**

LIVE WEBINAR

30 JUN 2021
RABU | 2:30 PETANG

OfficialUMK

**“Exclusive clothing
with your own style”**
**Wan Nurul Aida Nazwa
binti Wan Ahmad**
010-5331303
DWANS.MY
SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN
DENGAN KEPUJIAN
FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

Moderator
Muhammad Ikmal Afif bin Mazlan
Pelajar Latihan Industri
INSTITUT KEUSAHAWANAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMKEI)

**Dr. Sathiswaran
A/L Uthamaputhran**
Pensyarah Mentor
FAKULTI KEUSAHAWANAN
DAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

RM20,000.00
RM2,063,140

Universiti Malaysia
KELANTAN

UMK
ENTREPRENEURSHIP INSTITUTE

CEED
CENTRE FOR ENTREPRENEURSHIP AND EDUCATION

THE IMPACT RANKINGS 2021
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

OfficialUMK umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP is our World

Kita #BinaLegasiUMK Bersama #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream

Program Realiti TV TAIKUN MUDA

Program Realiti TV anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Alhijrah Media Corporation (TV AL-Hijrah) mencari usahawan-usahawan dalam kalangan pelajar IPTA, IPTS dan alumni (tidak melebihi setahun) di seluruh Malaysia.

Menerusi program ini peserta telah dibimbing oleh usahawan mentor yang berjaya. Juara rancangan ini telah menerima hadiah bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Ringgit (RM50,000.00) beserta sijil dan trofi.



ACEEU mengiktiraf UMK sebagai Universiti Keusahawanan PERTAMA DI MALAYSIA



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



ACEEU
ACCREDITATION COUNCIL
FOR ENTREPRENEURIAL &
ENGAGED UNIVERSITIES

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama di negara ini menerima pengiktirafan Accreditation Council for Entrepreneurial and Engaged Universities (ACEEU).

Yang Menjalankan Fungsi Naib Canselor UMK, Prof Dr Nik Maheran Nik Muhammad berkata, anugerah itu disampaikan oleh badan yang

berpengkalan di Jerman diperolehi secara rasmi pada 23 November lalu. ACEEU menetapkan 15 syarat standard mendapatkan anugerah berprestij terbabit. Tiga daripadanya diperolehi dengan cemerlang untuk dikenali sebagai universiti keusahawanan terunggul.



Pemenang Utama Anugerah Institusi UNIVERSITI TERBAIK

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) memenangi Anugerah Institusi Terbaik Keusahawanan bagi Kategori Universiti anjuran Kementerian Pengajian Tinggi 2021. Anugerah sempena Majlis Anugerah Keusahawanan (AKKPT21), diadakan di sebuah hotel di Putrajaya Marriott Hotel. Anugerah itu disampaikan Menteri Pendidikan, Dato' Seri Dr. Noraini Ahmad.

Anugerah itu juga platform pengiktirafan tertinggi kementerian terhadap komitmen jitu dan usaha tanpa jemu institusi pendidikan tinggi,

tenaga pengajar, para pembimbing, pelajar dan graduan, untuk memperkasakan agenda keusahawanan di IPT, selain meningkatkan persainan sihat dan menyuburkan semangat keusahawanan.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan untuk AKKPT21 iaitu Institusi Terbaik Keusahawanan, Perusahaan Pelajar Terbaik, Perusahaan Graduan Terbaik, Mentor Usahawan Terbaik dan Projek Usahawan Sosial Terbaik.





LAPORAN TAHUNAN **2021**
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





**PROJEK
PEMBANGUNAN
KOMUNITI BERIMPAK**

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust



Projek Ayam Kampung Kacuk (AKK) di Pusat Pemulihan Orang Kurang Upaya, Kg Aur Telong, Bachok, Kelantan

Projek Ayam Kampung Kacuk (AKK) di Pusat Pemulihan Orang Kurang Upaya, Kg Aur Telong, Bachok, Kelantan merupakan inisiatif Fakulti Perubatan Veterinar, Institut Penyelidikan & Pengurusan Kemiskinan (INSPEK), Universiti Malaysia Kelantan dan Majlis Pemulihan Negeri Kelantan (MPNK). Projek ini telah menerima dana sebanyak RM 99,800.00 daripada Permodalan Nasional Berhad. Projek ini mensasarkan latihan teori dan praktikal berkaitan pengurusan projek AKK kepada golongan OKU. Selain itu, program ini mensasarkan penambahbaikan taraf sosioekonomi dan jatidiri peserta yang terlibat bagi membolehkan mereka berdikari dan keluar dari masalah kemiskinan. Projek ini bermula pada bulan Mac 2021 sehingga Februari 2022.



Seramai 9 orang peserta telah di-nalpasti oleh pihak MPNK bagi kumpulan pertama projek ini. Peserta telah diberi latihan melalui kursus penternakan AKK yang telah dibahagikan kepada 5 modul iaitu;

- Modul 1: Pengurusan anak ayam
- Modul 2: Pengurusan pembesaran ayam
- Modul 3: Pengurusan sembelihan
- Modul 4: Pengurusan prosesan ayam
- Modul 5: Pengurusan pemasaran dan jualan ayam



Pemeriksaan Perusahaan Sosial Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) Melalui Pemrosesan Ikan Lunak

Pemeriksaan Perusahaan Sosial Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) Melalui Pemrosesan Ikan Lunak adalah melibatkan 11 orang peserta di Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, Pasir Putih. Bajet yang diluluskan untuk program ini adalah sebanyak RM82,700.00. Bajet ini melibatkan pembelian peralatan bagi pelaksanaan pemrosesan Ikan Lunak. Selain dari produk Ikan Lunak, terdapat dua (2) produk lain yang dikeluarkan oleh mereka iaitu Pes Segera dan juga Lunak Rolls. Projek ini bermula dari Mac 2021 sehingga Februari 2022.

Bantuan Sewa Rumah Pelajar Asnaf UMK (TERATAKCAKNA@PNB)

Program ini merupakan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan dalam antara InsPeK dan juga Pusat Islam, katogeri pendapatan isi rumah UMK. Masalah ekonomi keluarga terendah dalam kumpulan B40. merupakan salah satu punca Sehubungan dengan itu, satu inisiatif penyebab pelajar universiti tercicir atif telah diambil bagi mengurangkan dari pengajian akibat kesempitan beban pelajar iaitu pemberian hidup. Berita Harian yang diterbitkan bantuan perumahan pelajar asnaf pada 17 Mac 2019 memaparkan "Teratakcakna@PNB" kepada beberapa orang pelajar sebuah katogeri terendah dalam kumpulan universiti mencatu makanan harian dan B40 bagi mengurangkan beban dan bersesak-sesak menyewa kewangan pelajar tersebut. kediaman bersama kawan-kawan demi kelangsungan hidup di universiti memandangkan kos sara hidup yang tinggi. Kisah realiti pelajar

Bank Rakyat - InsPeK UMK Perusahaan Sosial Digital Asnaf Kelantan



Program ini memfokuskan kepada kerjasama Bank Rakyat sebagai pembinaan kapasiti usahawan rakan strategik InsPeK UMK. Program ini dilaksanakan berasaskan (PKS) asnaf berasaskan pertanian empat (4) modul utama yang dibenut oleh pakar dari UMK. Berikut adalah modul yang akan dilaksanakan (i) Modul 1 (Teras): Perusahaan berasaskan pertanian ferti-hidup yang lebih positif dan mengubah kehidupan serta pembinaan kapasiti berkaitan penggunaan teknologi dalam keusahawanan digital. Program ini dirancang untuk membantu golongan asnaf yang terlibat dalam PKS secara bersasar bagi membantu mereka keluar dari rantai kemiskinan generasi. Kemudian mampu membina kelompok usahawan tani yang boleh berdikari pada masa hadapan dengan

Program ini melibatkan seramai 30 Orang peserta.

Program Perneriksaan Kapasiti Kumpulan Wanita Nelayan Tok Bali Untuk Peningkatan Pengeluaran Produk Ikan Lunak

InsPeK telah menerima dana promosi v) Pemasaran Produk sebanyak RM37,200.00 di bawah Menggunakan Teknik Zero Kos (ter-Agrobank bagi Program Pemasaran "Coaching + Monitoring kasaan Kapasiti Kumpulan Wanita selama 3 bulan), iv) Asas Perniagaan Nelayan Tok Bali Untuk Peningkatan - Business Model Canvas, Pengeluaran Produk Ikan Lunak. gurusan Kewangan dan Perniagaan Pihak Agrobank telah mengadakan bengkel pemprosesan Ikan bengkel kepada peserta program. Lunak. Projek ini telah dilaksanakan sebanyak tujuh (7) modul telah bermula November 2021 sehingga dilaksanakan iaitu (i) Pengenalan November 2022. kearah Persijilan Halal, (ii) Pengenalan Halal (Halal Awareness), (iii) Peningkatan reka bentuk pembungkusan, iv) Strategi reka bentuk pembungkusan & pengiklanan dan



Projek Pengembangan Perusahaan Cendawan Tiram Kelabu di Perkampungan Orang Asli, Sungai Rual, Jeli Kelantan

Projek ini adalah melibatkan peserta Orang Asli di Sungai Rual Jeli. Projek ini merupakan projek Pengembangan Perusahaan Cendawan Tiram kelabu di Perkampungan Orang Asli, Sungai Rual, Jeli. Projek ini telah dilaksanakan bermula November 2021 hingga April 2022. Antara modul yang diajar adalah berkaitan Penghasilan Bongkah Cendawan di Perkampungan Sg. Rual, Jeli. Orang Asli Sg. Rual, Jeli, Kelantan tidak mempunyai pendapatan tetap selain meneruskan kelangsungan hidup dengan cara tradisional mereka seperti menangkap ikan di sungai, mengutip hasil hutan malah terlalu sedikit mempunyai ladang sendiri untuk diusahakan. Ini kerana projek perusahaan tiram kelabu adalah satu projek yang tidak sukar dilaksanakan malah ianya menggunakan konsep tanam, tinggal dan tuai.

Ini kerana masa yang diperlukan untuk menuai hasil adalah singkat sahaja jika menggunakan bongkah yang telah matang. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kelangsungan projek ini, pihak kami (UMK) mengambil inisiatif untuk mengembangkan kepada penghasilan bongkah cendawan tiram kelabu sendiri supaya ianya dapat mengurangkan kos pembelian bongkah untuk setiap musim selain ianya dapat dijual kepada pengusaha tiram kelabu seluruh Malaysia amnya. Dengan adanya bengkel penghasilan bongkah cendawan ini, ianya dapat mengurangkan kos bongkah yang tercemar selain dapat menghasilkan cendawan yang lebih berkualiti.



Program Pembangunan Pendidikan Bersepadu Komuniti Cicir Miskin Sabah di Pusat Pembangunan Mindan Insan (PPMI).

Program ini memfokuskan kepada ajaan dan yang berkaitan dalam pendidikan asas dan penguasaan pembangunan modal insan lestari kemahiran 3M dan pengurusan khususnya dalam kalangan etnik sendiri, membangunkan potensi minoriti Bajau Laut (Pala'u) dan dan kompetensi diri komuniti cicir komuniti tercicir dan terpinggir dan menerapkan nilai patriotisme serta kumpulan-kumpulan lain serta keteguhan jati diri supaya yang tidak mempunyai akses melahirkan masyarakat yang har- kepada pendidikan aliran perdana moni dalam kalangan komuniti cicir dan jarang mendapat perhatian di Sabah. Objektif program ini khusus adalah untuk membantu pihak ker





LAPORAN
TAHUNAN **2021**
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





LAPORAN
ANALISIS KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust




PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN UMK TAHUN 2021

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN

Keseluruhan pendapatan kumpulan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM186.87 juta berbanding RM163.41 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM23.46 juta atau 14.36%. Manakala keseluruhan perbelanjaan kumpulan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM198.33 juta berbanding RM181.38 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM16.95 juta atau 9.35%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan kumpulan adalah seperti dalam Jadual 1.1 dan Carta 1.1.

*Jadual 1.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan**Kumpulan*

Perkara/Tahun	2021	2020	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	186.87	163.41	23.46	14.36
Perbelanjaan	198.33	181.38	16.95	9.35


*Carta 1.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan**Kumpulan*

Pendapatan kumpulan yang berjumlah RM186.87 juta (2020 : RM163.41 juta) adalah merangkumi pendapatan daripada urusan niaga bukan pertukaran sebanyak RM168.6 juta (2020 : RM148.91 juta) dan pendapatan daripada urusan niaga pertukaran sebanyak RM18.27 juta (2020 : RM14.5 juta). Pendapatan daripada urusan niaga bukan pertukaran merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 90.22% daripada jumlah keseluruhan pendapatan kumpulan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan kumpulan adalah seperti Jadual 1.2 dan Carta 1.2.

Jadual 1.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Urussiaga Pertukaran	18.27	9.78	14.50	8.87
Urussiaga Bukan Pertukaran	168.60	90.22	148.91	91.13
Jumlah	186.87	100.00	163.41	100.00

Carta 1.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan




Perbelanjaan kumpulan yang berjumlah RM198.33 juta (2020 : RM181.38 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM80.23 juta (2020 : RM77.44 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM92.34 (2020 : RM76.85 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM3.87 juta (2020 : RM2.24 juta), perbelanjaan lain RM3.47 juta (2020 : RM4.50 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM18.42 juta (2019 : RM20.35 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan dan bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 46.56% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kumpulan. Perbandingan komposisi perbelanjaan kumpulan adalah seperti Jadual 1.3 dan Carta 1.3.

Jadual 1.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	80.23	40.45	77.44	42.70
Perkhidmatan & Bekalan	92.34	46.56	76.85	42.37
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	3.87	1.95	2.24	1.23
Perbelanjaan Lain	3.47	1.75	4.50	2.48
Susutnilai Tahunan	18.42	9.29	20.35	11.22
Jumlah	198.33	100.00	181.38	100.00

Carta 1.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan

Kumpulan



PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNIVERSITI

Keseluruhan pendapatan Universiti bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM180.83 juta berbanding RM160.72 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM20.11 juta atau 12.51%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Universiti bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM195 juta berbanding RM182 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM13 juta atau 7.14%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Universiti adalah seperti dalam Jadual 2.1 dan Carta 2.1.


Jadual 2.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan

Universiti

Perkara/Tahun	2021	2020	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	180.83	160.72	20.11	12.51
Perbelanjaan	195.00	182.00	13.00	7.14

Carta 2.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan

Universiti




Pendapatan Universiti yang berjumlah RM180.83 juta (2020 : RM160.72 juta) adalah merangkumi pendapatan urusniaga bukan pertukaran sebanyak RM168.6 juta (2020: RM148.91 juta) dan pendapatan urusniaga pertukaran sebanyak RM12.23 juta (2020 : RM11.81 juta). Pendapatan urusniaga bukan pertukaran merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 93.24% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Universiti. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Universiti adalah seperti Jadual 2.2 dan Carta 2.2.

Jadual 2.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Urusniaga Pertukaran	12.23	6.76	11.81	7.35
Urusniaga Bukan Pertukaran	168.60	93.24	148.91	92.65
Jumlah	180.83	100.00	160.72	100.00

Carta 2.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti




Perbelanjaan Universiti yang berjumlah RM195 juta (2020 : RM181.99 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM80.2 juta (2020 : RM77.39 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM90.32 juta (2020 : RM79.02 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM3.87 juta (2020 : RM2.13 juta), perbelanjaan lain RM2.95 juta (2020 : RM3.93 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM17.66 juta (2020 : RM19.52 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 46.32% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Universiti. Perbandingan komposisi perbelanjaan Universiti adalah seperti Jadual 2.3 dan Carta 2.3.

Jadual 2.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	80.20	41.13	77.39	42.52
Perkhidmatan & Bekalan	90.32	46.32	79.02	43.42
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	3.87	1.98	2.13	1.17

Perbelanjaan Lain	2.95	1.51	3.93	2.16
Susutnilai Tahunan	17.66	9.06	19.52	10.73
Jumlah	195.00	100.00	181.99	100.00

*Carta 2.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Universiti*



PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG

Perbelanjaan Universiti dibiayai oleh empat (4) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Penyelidikan dan Amanah. Pendapatan dan perbelanjaan setiap kumpulan wang adalah sebagaimana berikut:


(a) Kumpulan Wang Mengurus

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM140.98 juta berbanding RM130.02 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM10.96 juta atau 8.43%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM146.35 juta berbanding RM150.55 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan penurunan sebanyak RM4.2 juta atau 2.79%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti dalam Jadual 3.1 dan Carta 3.1.

*Jadual 3.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Mengurus*

Perkara/Tahun	2021	2020	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	140.98	130.02	10.96	8.43
Perbelanjaan	146.35	150.55	(4.20)	(2.79)

Carta 3.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan kumpulan Wang Mengurus




Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM140.98 juta (2020 : RM130.02 juta) adalah merangkumi pemberian Kerajaan sebanyak RM110.04 juta (2020 : RM99.04 juta), yuran pelajar sebanyak RM25.57 juta (2020 : RM25.27 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM5.37 juta (2020 : RM5.71 juta). Pemberian Kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 78.05% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 3.2 dan Carta 3.2.

Jadual 3.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	110.04	78.05	99.04	76.17
Yuran Pelajar	25.57	18.14	25.27	19.44
Pendapatan Lain	5.37	3.81	5.71	4.39
Jumlah	140.98	100.00	130.02	100.00

Carta 3.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus




Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM146.35 juta (2020 : RM150.55 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM80.2 juta (2020 : RM77.38 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM58.98 juta (2020 : RM66.56 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM3.27 juta (2020 : RM1.37 juta), perbelanjaan lain RM0.77 juta (2020 : RM1.27 juta) dan susutnilai tahunan RM3.13 juta (2020 : RM3.97 juta). Perbelanjaan ke atas emolumen merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 54.8% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 3.3 dan Carta 3.3.

*Jadual 3.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Mengurus*

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	80.20	54.80	77.38	51.40
Perkhidmatan & Bekalan	58.98	40.30	66.56	44.21
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	3.27	2.23	1.37	0.91
Perbelanjaan Lain	0.77	0.53	1.27	0.84
Susutnilai Tahunan	3.13	2.14	3.97	2.64
Jumlah	146.35	100.00	150.55	100.00

*Carta 3.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Mengurus*




(b) Kumpulan Wang Pembangunan

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM3.29 juta berbanding tahun 2020 sebanyak RM7.37 juta. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM4.08 juta atau 55.36%. Keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM13.83 juta berbanding RM15.41 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan penurunan sebanyak RM1.58 juta atau 10.25%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti dalam Jadual 4.1 dan Carta 4.1.

*Jadual 4.1: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Pembangunan*

Perkara/Tahun	2021	2020	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	3.29	7.37	(4.08)	(55.36)
Perbelanjaan	13.83	15.41	(1.58)	(10.25)

*Carta 4.1: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Pembangunan*




Komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 4.2 dan Carta 4.2.

**Jadual 4.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Pembangunan**

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	3.00	91.19	7.36	99.86
Pendapatan Lain	0.29	8.81	0.01	0.14
Jumlah	3.29	100.00	7.37	100.00

**Carta 4.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Pembangunan**




Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM13.82 juta (2020 : RM15.40 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM0.03 juta (2020 : RM0.36 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM13.79 juta (2020 : RM15.04 juta). Perbelanjaan ke atas susutnilai tahunan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 99.78% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 4.3 dan Carta 4.3.

**Jadual 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Pembangunan**

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Perkhidmatan & Bekalan	0.03	0.22	0.36	2.34
Susutnilai Tahunan	13.79	99.78	15.04	97.66
Jumlah	13.82	100.00	15.40	100.00

**Carta 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Pembangunan**

*Carta 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Pembangunan*




(c) Kumpulan Wang Penyelidikan

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2021 adalah RM1.87 juta berbanding RM1.83 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.04 juta atau 2.19%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM1.88 juta berbanding RM1.74 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.14 juta atau 8.05%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti dalam Jadual 5.1 dan Carta 5.1.

*Jadual 5.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Penyelidikan*

Perkara/Tahun	2021	2020	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	1.87	1.83	0.04	2.19
Perbelanjaan	1.88	1.74	0.14	8.05

*Carta 5.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Penyelidikan*



Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 5.2 dan Carta 5.2.

Jadual 5.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	1.87	100.00	1.83	100.00
Jumlah	1.87	100.00	1.83	100.00

Carta 5.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan




Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM1.88 juta (2020 : RM1.74 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM1.76 juta (2020 : RM1.63 juta), perbelanjaan lain RM0.006 (2020 : RM0.004372) dan susutnilai tahunan sebanyak RM0.12 juta (2020 : RM0.11 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 93.62% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 5.3 dan Carta 5.3.

**Jadual 5.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Penyelidikan**

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Perkhidmatan & Bekalan	1.76	93.62	1.63	93.68
Perbelanjaan Lain	0.0006	0.00	0.004372	0.00
Susutnilai Tahunan	0.12	6.38	0.11	6.32
Jumlah	1.88	100.00	1.74	100.00

**Carta 5.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Penyelidikan**




(d) Kumpulan Wang Amanah

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM34.69 juta berbanding RM21.51 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM13.18 juta atau 61.27%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM32.95 juta berbanding RM14.3 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM18.65 juta atau 130.42%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti dalam Jadual 6.1 dan Carta 6.1.

Jadual 6.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Amanah

Perkara/Tahun	2021	2020	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	34.69	21.51	13.18	61.27
Perbelanjaan	32.95	14.30	18.65	130.42

Carta 6.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Amanah




Pendapatan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM34.69 juta (2020 : RM21.51 juta) adalah merangkumi pemberian Kerajaan sebanyak RM17.85 juta (2020 : RM3.46 juta), yuran pelajar sebanyak RM10.24 juta (2020 : RM11.95 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM6.6 juta (2020 : RM6.1 juta). Pemberian Kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 51.46% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 6.2 dan Carta 6.2.

Jadual 6.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Amanah

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	17.85	51.46	3.46	16.08
Yuran Pelajar	10.24	29.51	11.95	55.54
Pendapatan Lain	6.60	19.03	6.10	28.38
Jumlah	34.69	100.00	21.51	100.00

Carta 6.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah




Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM32.95 juta (2020 : RM14.3 juta) adalah perkhidmatan & bekalan sebanyak RM29.55 juta (2020 : RM10.48 juta), pemberian dan kenaaan tetap sebanyak RM0.6 juta (2020 : RM0.76 juta), perbelanjaan lain RM2.18 juta (2020 : RM2.66 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM0.62 juta (2020 : 0.4 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 89.68% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 6.3 dan Carta 6.3.

Jadual 6.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Perkhidmatan & Bekalan	29.55	89.68	10.48	73.29
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	0.60	1.82	0.76	5.31
Perbelanjaan Lain	2.18	6.62	2.66	18.60
Susutnilai Tahunan	0.62	1.88	0.40	2.80
Jumlah	32.95	100.00	14.30	100.00

Carta 6.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah





PEROLEHAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN UNIVERSITI

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM8.36 juta berbanding RM8.61 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM0.25 juta atau 2.9%. Perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti adalah merangkumi perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM1.1 juta (2020 : RM2.74 juta), Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM5.12 juta (2020 : RM5.37 juta), Kumpulan Wang Penyelidikan sebanyak RM0.12 juta (2020 : RM0.05 juta) dan Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM2.02 juta (2020 : RM0.45 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti mengikut kumpulan wang adalah seperti Jadual 7.1 dan Carta 7.1.

*Jadual 7.1 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti
(Kumpulan Wang)*

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	1.10	13.16	2.74	31.82
Kumpulan Wang Pembangunan	5.12	61.24	5.37	62.37
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.12	1.44	0.05	0.58
Kumpulan Wang Amanah	2.02	24.16	0.45	5.23
Jumlah	8.36	100.00	8.61	100.00

*Carta 7.1 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti
(Kumpulan Wang)*





Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti terdiri daripada perolehan bangunan & pembaikan bangunan berjumlah RM5.75 juta (2020 : RM4.67 juta), kemudahan & pembaikan kemudahan berjumlah RM0.56 juta (2020 : RM1.47 juta), kenderaan dan jentera berjumlah RM0.52 juta (2020 : 0.01 juta) serta alat kelengkapan berjumlah RM1.53 juta (2020 : RM2.46 juta).

Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti mengikut kategori adalah seperti Jadual 7.2 dan Carta 7.2.

Jadual 7.2 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Bangunan & Pembaikan Bangunan	5.75	68.78	4.67	54.24
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	0.56	6.70	1.47	17.07
Kenderaan & Jentera	0.52	6.22	0.01	0.12
Alat Kelengkapan	1.53	18.30	2.46	28.57
Jumlah	8.36	100.00	8.61	100.00

Carta 7.2 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)



TAMBAHAN PROJEK DALAM KEMAJUAN UNIVERSITI

Bayaran projek dalam kemajuan Universiti adalah sebanyak RM7.45 juta berbanding RM5.57 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.88 juta atau 33.75%. Bayaran projek dalam kemajuan Universiti merangkumi bayaran daripada Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah. Bagi Kumpulan Wang Mengurus, bayaran projek dalam kemajuan adalah sebanyak RM4,000 (2020 : RM0.07 juta), Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM7.37 juta (2020 : RM5.5 juta) dan Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM0.08 juta (2020 : Tiada).



Jumlah projek dalam kemajuan yang diklasifikasikan kepada hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus iaitu sebanyak RM0.05 juta (2020 : Tiada) dan Kumpulan Wang

Pembangunan iaitu sebanyak RM4.39 juta (2020 : RM4.23 juta). Perbandingan komposisi tambahan projek dalam kemajuan adalah seperti Jadual 8.1 dan Carta 8.1.

Jadual 8.1 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	0.004	0.1	0.07	1.26
Kumpulan Wang Pembangunan	7.37	98.9	5.50	98.74
Kumpulan Wang Amanah	0.08	1.0	-	-
Jumlah	7.45	100.00	5.57	100.00

Carta 8.1 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti



ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (KUMPULAN)

Keseluruhan aset kumpulan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM713.43 juta berbanding RM714.96 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM1.53 juta atau 0.21%. Aset kumpulan adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM454.26 juta (2020 : RM464.12 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM4.52 juta (2020 : RM1.52 juta), urusniaga pertukaran belum terima sebanyak RM8.39 juta (2020 : RM9.51 juta) dan urusniaga bukan pertukaran belum terima sebanyak RM4.26 juta (2020 : RM3.76 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan kumpulan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM88.91 juta berbanding RM70.17 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM18.74 juta atau

26.71%. Tanggungan kumpulan adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM18.46 juta (2020 : RM17.19 juta) dan tanggungan bukan semasa sebanyak RM70.45 juta (2020 : RM52.98 juta).

Jumlah rizab tunai kumpulan bagi tahun 2021 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM241.97 juta berbanding RM236.03 juta pada tahun 2020. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM5.94 juta iaitu 2.52%.



Jumlah aset bersih kumpulan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM624.52 juta berbanding RM644.79 juta pada tahun 2020. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM20.27 juta iaitu 3.14%.

Keseluruhan aset dan tanggungan kumpulan diwakili oleh enam (6) Kumpulan Wang seperti Jadual 9.1 dan Carta 9.1.

Jadual 9.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	154.72	24.77	150.72	23.38
Kumpulan Wang Pembangunan	365.98	58.60	376.96	58.46
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.71	0.11	0.71	0.11
Kumpulan Wang Amanah	137.31	21.99	148.69	23.06
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	7.00	1.12	7.00	1.09
Kerugian Terkumpul Anak Syarikat	(41.20)	6.59	(39.29)	6.1
Jumlah	624.52	100.00	644.79	100.00

Carta 9.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)



ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (UNIVERSITI)

Keseluruhan aset Universiti bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM678.9 juta berbanding RM682 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM3.1 juta atau 0.45%. Aset Universiti adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM422.38 juta (2020 : RM431.76 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM4.52 juta (2020 : RM1.52 juta), urusniaga pertukaran belum terima sebanyak RM10.03 juta (2020 : RM11.75 juta). urusniaga bukan pertukaran belum terima sebanyak RM4.26 juta (2020 : RM3.76 juta) dan pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM1.50 juta (2020 : RM1.50 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan Universiti bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM75.6 juta berbanding RM56.16 juta pada tahun 2020, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM19.44 juta atau 34.62%. Tanggungan Universiti adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM11.1 juta (2020 : RM10.8 juta) dan tanggungan bukan semasa sebanyak RM64.5 juta (2020 : RM45.3 juta).

Jumlah rizab tunai Universiti bagi tahun 2021 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM236.21 juta berbanding RM231.71 juta pada tahun 2020. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM4.5 juta iaitu 1.94%.



Jumlah aset bersih Universiti bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM603.3 juta berbanding RM625.83 juta pada tahun 2020. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM22.53 juta iaitu 3.6%.

Keseluruhan aset dan tanggungan Universiti diwakili oleh lima (5) Kumpulan Wang seperti Jadual 10.1 dan Carta 10.1.

Jadual 10.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)

Perkara/Tahun	2021		2020	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	92.37	15.31	92.55	14.80
Kumpulan Wang Pembangunan	365.98	60.66	376.96	60.23
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.71	0.12	0.71	0.11
Kumpulan Wang Amanah	137.24	22.75	148.61	23.74
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	7.00	1.16	7.00	1.12
Jumlah	603.30	100.00	625.83	100.00

Carta 10.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)



RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN UMK BAGI TEMPOH 5 TAHUN

Perkara/Tahun	2021 RM	2020 RM	2019 RM	2018 RM	2017 RM
Penyata Kedudukan Kewangan					
Aset Bukan Semasa	429,848,079	436,170,483	445,789,888	444,256,734	423,946,944
Aset Semasa	249,055,218	245,825,659	241,661,468	252,249,332	304,568,510
Liabiliti Bukan Semasa	64,467,181	45,346,618	30,621,133	36,696,264	78,955,170
Liabiliti Semasa	11,136,366	10,818,047	10,452,823	11,904,895	11,352,047
Dana dan Rezab	603,299,750	625,831,477	646,377,399	647,904,907	638,208,237
Nilai Pelaburan dalam Anak Syarikat	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Penyata Prestasi Kewangan					
Pemberian Kerajaan : Geran Mengurus	110,039,400	99,035,490	115,671,358	107,716,200	105,705,604
Pemberian Kerajaan : Geran Pembangunan	3,000,614	7,361,117	18,544,565	39,718,517	71,164,298
Pemberian Kerajaan : Geran Penyelidikan	1,872,887	1,830,524	1,035,629	3,407,174	6,536,761
Pemberian Kerajaan : Geran Amanah	17,854,053	3,457,631	2,302,760	1,721,616	2,022,495
Yuran Pelajar	35,807,293	37,217,050	35,110,995	34,617,473	35,736,847
Pendapatan Lain	12,254,760	11,822,181	10,679,285	17,743,314	23,709,151
Jumlah Pendapatan	180,829,007	160,723,992	183,344,592	204,924,294	244,875,156
Jumlah Perbelanjaan	195,003,690	181,998,901	186,259,453	194,120,842	185,540,615
Lebih bersih pendapatan	(14,174,683)	(21,274,909)	(2,914,861)	10,803,452	59,334,541
Paparan Penyata Aliran Tunai					
Tunai di tangan dan tunai di bank	41,993,126	42,574,768	27,563,231	18,325,530	50,061,920
Simpanan Tetap	194,219,820	189,137,369	203,732,624	222,255,965	239,707,456
Pendapatan Sebelum Cukai	(14,174,683)	(21,274,909)	(2,914,861)	10,803,452	59,334,541
Paparan Nisbah Kewangan					
Nisbah Semasa	22.36	22.72	23.12	21.19	26.83
Nisbah Hutang	0.11	0.08	0.06	0.07	0.12
Nisbah Hutang kepada Dana & Rezab Kerajaan	0.13	0.09	0.06	0.08	0.14
Nisbah Pulangan ke atas Dana & Rezab Kerajaan	(0.02)	(0.03)	(0.00)	0.02	0.09
Margin Keuntungan Bersih	(7.84)	(13.24)	(1.59)	5.27	24.23
Modal Kerja	237,918,852	235,007,612	231,208,645	240,344,437	293,216,463



LAPORAN
TAHUNAN **2021**
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





**PENYATA
DAN SIJIL AUDIT
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2021**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 46.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Kelantan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Kelantan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Malaysia Kelantan atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Kelantan berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DR. NOR HAIZA BINTI ABD AZIZ@JUNED)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
21 JULAI 2022



PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN HAJI CHE SALLEH dan PROF. DR. RAZLI BIN CHE RAZAK yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,




NAMA : **Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin
Haji Che Salleh**

GELARAN : PENERUSI LEMBAGA

TARIKH : 03/04/2022

TEMPAT : Bachok, Kelantan

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : **Prof. Dr. Razli Bin
Che Razak**


GELARAN : NAIB CANSELOR

TARIKH : 03/04/2022

TEMPAT : Bachok, Kelantan

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Saya, MOHD YUSRI BIN AWANG, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dan Kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)	
diakui oleh penama di atas)	
di (tempat)..... Bachok)	MOHD YUSRI BIN AWANG
pada 03 APR 2022)	No. K/P : 690803-03-5241

Di hadapan saya,



Pejabat Jurupetisyen
D/A Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok
16300 Bachok, Kelantan

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021**

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aset Semasa:				
4	6,933,939	8,116,892	8,582,418	10,353,509
5	4,259,854	3,760,013	4,259,854	3,760,013
6	15,021	21,703	-	-
7	241,965,096	236,033,098	236,212,946	231,712,137
	253,173,910	247,931,706	249,055,218	245,825,659
Aset Bukan Semasa:				
8	454,255,215	464,118,513	422,375,469	431,760,760
9	27,800	-	-	-
10	4,521,143	1,515,772	4,521,143	1,515,772
11	-	-	1,500,000	1,500,000
4	1,451,467	1,393,951	1,451,467	1,393,951
	460,255,625	467,028,236	429,848,079	436,170,483
	713,429,535	714,959,942	678,903,297	681,996,142
Jumlah Aset				
Liabiliti Semasa:				
12	15,343,853	12,999,947	8,198,115	6,896,219
13	2,238,636	2,570,997	2,238,636	2,570,997
14	699,615	1,350,831	699,615	1,350,831
	174,135	264,500	-	-
	18,456,239	17,186,275	11,136,366	10,818,047
Liabiliti Bukan Semasa:				
14	4,997,248	2,357,896	4,997,248	2,357,896
12	2,261,752	3,893,279	-	-
15	3,715,947	3,734,895	-	-
16	59,477,928	42,996,716	59,469,933	42,988,722
	70,452,875	52,982,786	64,467,181	45,346,618
	88,909,114	70,169,061	75,603,547	56,164,665
Jumlah Liabiliti				
Ekuiti:				
17	154,717,921	150,717,585	92,366,454	92,550,771
18	365,984,705	376,963,219	365,984,705	376,963,219
19	708,102	713,389	708,102	713,389
20	137,314,870	148,691,466	137,240,489	148,604,098
21	7,000,000	7,000,000	7,000,000	7,000,000
22	(41,205,177)	(39,294,778)	-	-
	624,520,421	644,790,881	603,299,750	625,831,477
	-	-	-	-
	624,520,421	644,790,881	603,299,750	625,831,477
	713,429,535	714,959,942	678,903,297	681,996,142
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti				

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Pendapatan:					
Urusniaga pertukaran	23	18,266,095	14,496,919	12,229,666	11,810,242
Urusniaga bukan pertukaran	24	168,599,341	148,913,750	168,599,341	148,913,750
Jumlah pendapatan		<u>186,865,436</u>	<u>163,410,669</u>	<u>180,829,007</u>	<u>160,723,992</u>
Perbelanjaan:					
Emolumen		80,231,375	77,447,696	80,204,375	77,388,597
Perkhidmatan dan bekalan		92,339,440	76,846,461	90,323,314	79,023,103
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap		3,871,895	2,241,637	3,871,895	2,130,637
Perbelanjaan lain		3,473,495	4,498,018	2,948,017	3,933,144
Susutnilai tahunan		18,417,042	20,348,471	17,656,089	19,523,420
Jumlah perbelanjaan		<u>198,333,247</u>	<u>181,382,283</u>	<u>195,003,690</u>	<u>181,998,901</u>
Kurangan sebelum cukai		(11,467,811)	(17,971,616)	(14,174,683)	(21,274,909)
Cukai	25	(736,478)	(895,933)	-	-
Kurangan bagi tahun		<u>(12,204,289)</u>	<u>(18,867,549)</u>	<u>(14,174,683)</u>	<u>(21,274,909)</u>
Kurangan bagi tahun diagihkan kepada:					
Pemilik entiti yang mengawal		(12,204,289)	(18,867,549)	(14,174,683)	(21,274,909)
Kepentingan minoriti		-	-	-	-
		<u>(12,204,289)</u>	<u>(18,867,549)</u>	<u>(14,174,683)</u>	<u>(21,274,909)</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Kumpulan – 31 Disember 2021

	Kumpulan wang						Keperluan minoriti RM	Jumlah ekuiti RM
	Mengurus RM	Pembangunan Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman RM	Kerugian terkumpul anak syarikat RM	Keperluan minoriti RM		
Baki pada 31 Disember 2020	150,717,585	376,963,219	713,389	148,691,466	7,000,000	(39,294,778)	-	644,790,881
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	150,717,585	376,963,219	713,389	148,691,466	7,000,000	(39,294,778)	-	644,790,881
- Pelarasan tahun lepas	(2,561,723)	(438,877)	-	(5,356,444)	-	290,873	-	(8,066,171)
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2021	148,155,862	376,524,342	713,389	143,335,022	7,000,000	(39,003,905)	-	636,724,710
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(1,189,998)	(10,539,637)	(5,287)	1,731,905	-	(2,201,272)	-	(12,204,289)
Pindahan	7,752,057	-	-	(7,752,057)	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2021	154,717,921	365,984,705	708,102	137,314,870	7,000,000	(41,205,177)	-	624,520,421
Baki pada 31 Disember 2019	168,005,598	385,003,746	718,173	136,469,858	7,000,000	(34,267,932)	-	662,929,443
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	168,005,598	385,003,746	718,173	136,469,858	7,000,000	(34,267,932)	-	662,929,443
- Pelarasan tahun lepas	937,681	-	(3,167)	(210,527)	-	-	-	723,987
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2020	168,943,279	385,003,746	715,006	136,259,331	7,000,000	(34,267,932)	-	663,653,430
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(13,091,322)	(8,040,527)	93,383	7,197,763	-	(5,026,846)	-	(18,867,549)
Pindahan	(5,134,372)	-	(95,000)	5,234,372	-	-	-	5,000
Baki pada 31 Disember 2020	150,717,585	376,963,219	713,389	148,691,466	7,000,000	(39,294,778)	-	644,790,881

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Universiti – 31 Disember 2021

	Kumpulan wang				Pinjaman RM	Kerugian terkumpul anak syarikat RM	Kepentingan minoriti RM	Jumlah ekuiti RM
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Amanah RM				
Baki pada 31 Disember 2020	92,550,771	376,963,219	713,389	148,604,098	7,000,000	-	-	625,831,477
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	92,550,771	376,963,219	713,389	148,604,098	7,000,000	-	-	625,831,477
- Pelarasan tahun lepas	(2,561,723)	(438,877)	-	(5,356,444)	-	-	-	(8,357,044)
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2021	89,989,048	376,524,342	713,389	143,247,654	7,000,000	-	-	617,474,433
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(5,374,651)	(10,539,637)	(5,287)	1,744,892	-	-	-	(14,174,683)
Pindahan	7,752,057	-	-	(7,752,057)	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2021	92,366,454	365,984,705	708,102	137,240,489	7,000,000	-	-	603,299,750
Baki pada 31 Disember 2019	117,282,988	385,003,746	718,173	136,372,492	7,000,000	-	-	646,377,399
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	117,282,988	385,003,746	718,173	136,372,492	7,000,000	-	-	646,377,399
- Pelarasan tahun lepas	937,681	-	(3,167)	(210,527)	-	-	-	723,987
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2020	118,220,669	385,003,746	715,006	136,161,965	7,000,000	-	-	647,101,386
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(20,535,526)	(8,040,527)	93,383	7,207,761	-	-	-	(21,274,909)
Pindahan	(5,134,372)	-	(95,000)	5,234,372	-	-	-	5,000
Baki pada 31 Disember 2020	92,550,771	376,963,219	713,389	148,604,098	7,000,000	-	-	625,831,477

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi				
Lebihan pendapatan sebelum cukai	(11,467,811)	(17,971,616)	(14,174,683)	(21,274,909)
Pelarasan untuk:				
Susutnilai tahunan	18,417,042	20,348,471	17,656,089	19,523,420
Peruntukan hutang ragu	282,233	491,477	282,233	491,477
Peruntukan manfaat pekerja	2,990,147	1,648,372	2,990,147	1,648,372
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	10,985	5	10,976	5
Geran pembangunan dilunaskan	(3,000,614)	(7,361,117)	(3,000,614)	(7,361,117)
Geran penyelidikan dilunaskan	(1,872,887)	(1,830,524)	(1,872,887)	(1,830,524)
Geran amanah dilunaskan	(17,854,053)	(3,457,631)	(17,854,053)	(3,457,631)
Pelarasan hasil dan perbelanjaan tahun lepas	(5,238,152)	(54,990)	(5,238,152)	(54,990)
Hapus kira aset biologi	24,097	-	-	-
Cukai dibayar	(845,791)	(1,410,095)	-	-
Faedah pinjaman	468,464	435,701	-	-
Lebihan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	(18,086,340)	(9,161,947)	(21,200,944)	(12,315,897)
<u>(Tambahannya)/Kurangnya dalam</u>				
Inventori	6,682	3,897	-	-
Urusniaga pertukaran belum terima	(1,879,108)	(4,258,556)	(1,290,971)	(3,968,959)
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	(764,390)	-	(764,390)	-
<u>Tambahannya/(Kurangnya) dalam</u>				
Urusniaga pertukaran belum bayar	2,479,233	(1,827,092)	1,121,006	(1,691,167)
Urusniaga bukan pertukaran belum bayar	(299,424)	1,149,974	(299,424)	1,149,974
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi	(18,543,347)	(14,093,724)	(22,434,723)	(16,826,049)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(4,061,111)	(4,937,402)	(3,916,459)	(4,517,021)
Modal saham	-	500,000	-	-
Projek dalam kemajuan	(7,449,579)	(5,194,962)	(7,449,579)	(5,194,962)
Tambahan aset tak ketara	(27,800)	-	-	-
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(11,538,490)	(9,632,363)	(11,366,038)	(9,711,983)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan				
Geran pembangunan diterima	18,650,000	6,807,700	18,650,000	6,807,700
Geran penyelidikan diterima	1,932,570	2,417,475	1,932,570	2,417,475
Geran amanah diterima	18,172,761	18,887,399	18,172,761	18,887,399
Pembayaran manfaat pekerja	(453,761)	(1,158,261)	(453,761)	(1,158,261)
Bayaran ansuran pembiayaan	(2,287,735)	(2,006,046)	-	-
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Pembiayaan	36,013,835	24,948,267	38,301,570	26,954,313
Tambahan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	5,931,998	1,222,180	4,500,809	416,282
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	236,033,098	234,810,918	231,712,137	231,295,855
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	241,965,096	236,033,098	236,212,946	231,712,137

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PRESTASI BAJET
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	JUMLAH BAJET		JUMLAH	VARIAN BAJET
	ASAL RM	AKHIR RM	SEBENAR RM	RM
PENDAPATAN				
Geran Mengurus	109,579,000	109,579,000	97,939,200	(11,639,800)
Geran Tambahan	-	-	12,100,200	12,100,200
Yuran Pengajian	38,100,000	38,100,000	25,568,027	(12,531,973)
Pendapatan Lain	14,000,000	14,000,000	5,369,837	(8,630,163)
JUMLAH PENDAPATAN	161,679,000	161,679,000	140,977,264	(20,701,736)
PERBELANJAAN				
EMOLUMEN				
Gaji dan Upahan	52,000,000	53,867,383	53,867,383	-
Elaun-Elaun Tetap	14,000,000	14,658,395	14,658,395	-
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	10,000,000	9,325,449	9,325,449	-
Elaun Lebih Masa	220,000	485,976	485,976	-
Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	3,816,000	2,007,087	1,812,849	194,238
JUMLAH	80,036,000	80,344,290	80,150,052	194,238
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN				
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	1,735,000	946,846	673,805	273,041
Pengangkutan Barang-barang	-	10,000	7,396	2,604
Perhubungan & Utiliti	7,546,000	5,689,300	5,048,258	641,042
Sewaan	18,219,000	15,050,780	14,063,092	987,688
Bahan-bahan Makanan Dan Minuman	36,000	70,910	32,861	38,049
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	503,000	531,675	492,764	38,911
Bekalan Dan Bahan-bahan Lain	2,319,000	3,728,429	3,666,991	61,438
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil	7,345,000	5,739,015	5,497,354	241,661
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Hospitaliti	31,017,000	36,481,040	36,257,021	224,019
JUMLAH	68,720,000	68,247,995	65,739,542	2,508,453
ASET				
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	-	509,445	494,065	15,380
Kemudahan dan Pembaikan	-	153,574	153,574	-
Kenderaan dan Jentera	-	-	-	-
Harta Modal Yang Lain	-	1,634,296	856,996	777,300
JUMLAH	-	2,297,315	1,504,635	792,680
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP				
Biasiswa dan Dermasiswa	100,000	289,200	81,526	207,674
Pemberian Dalam Negeri	5,000	-	-	-
Ganjaran	-	238,410	171,006	67,404
Gantian Cuti Rehat	-	136,390	57,663	78,727
JUMLAH	105,000	664,000	310,195	353,805
PERBELANJAAN LAIN				
Bayaran-bayaran lain	1,139,000	2,383,400	683,930	1,699,470
JUMLAH	1,139,000	2,383,400	683,930	1,699,470
JUMLAH PERBELANJAAN	150,000,000	153,937,000	148,388,354	5,548,646
KURANGAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN	11,679,000	7,742,000	(7,411,090)	(26,250,382)

NOTA BAGI PENYATA PRESTASI BAJET

1. Penyediaan Penyata Prestasi Bajet Tahun 2021 adalah disediakan berdasarkan Kumpulan Wang Mengurus iaitu melibatkan Geran Mengurus Kerajaan dan Sumber Dalaman (berdasarkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti untuk menampung Geran Kerajaan).
2. Bajet telah diluluskan pada asas tunai mengikut klasifikasi fungsi. Bajet yang diluluskan meliputi tempoh fiskal bermula dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.
3. Bajet asal telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui emel kelulusan bertarikh 9 Februari 2021 adalah berjumlah RM109,579,000. Walau bagaimanapun, UMK telah dikenakan penyesuaian semula belanjawan sebanyak RM11,639,800 melalui emel pada 8 September 2021. Bajet akhir adalah selepas mengambil kira penyesuaian semula belanjawan tersebut dan peruntukan tambahan sebanyak RM12,100,200 untuk emolument kakitangan kontrak, pelarasan emolument dan kenaikan pangkat serta peruntukan tambahan bagi menampung ketidakcukupan Universiti untuk tahun 2021 adalah berjumlah RM110,039,400.

Perkara	Operasi	Pembiayaan	Pelaburan	Jumlah
Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding seperti yang Dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar	148,388,354	-	-	148,388,354
Perbezaan Asas	-	-	-	-
Perbezaan Entiti	-	-	-	-
Amaun Sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	148,388,354	-	-	148,388,354

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

(a) Penubuhan

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan Universiti awam yang ke-19, diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006 [P.U.415 (A)]. UMK ditubuhkan dengan visi sebagai Peneraju Pembangunan Modal Insan Bercirikan Keusahawanan Bagi Kesejahteraan Global. Objektif utama Universiti adalah menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi ko-kurikulum.

(b) Aktiviti Utama

UMK adalah sebuah Universiti yang mengkhusus Keusahawanan sebagai teras.

(c) Bilangan Staf

Bilangan staf UMK pada akhir tahun kewangan 2021 adalah seramai 1,297 orang (2020 : 1,232 orang) yang terdiri daripada staf tetap/pinjaman seramai 966 orang (2020 : 861 orang) dan staf sementara/kontrak seramai 331 orang (2020 : 371 orang).

(d) Bilangan Pelajar

Pengambilan pelajar bagi sesi 2021/2022 adalah seramai 3,379 orang dan jumlah enrolmen sehingga 31 Disember 2021 adalah 12,196 orang (2020 : 10,259 orang).

(e) Mata Wang Pembentangan dan Fungsian

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

(f) Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021 telah dibentangkan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Audit (JKA) dan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) pada 23 Mac 2022. Seterusnya, Penyata Kewangan ini dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 31 Mac 2022.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Instrumen kewangan Kumpulan dan Universiti bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti adalah untuk mengenal pasti dan kawalan risiko yang terdedah kepada Kumpulan dan Universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan kewangan Universiti.

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

(a) Risiko Kadar Faedah

Kumpulan memperolehi kemudahan kewangan melalui kemudahan kredit yang diperolehi pada kadar faedah yang berpatutan. Lebihan dana ditempatkan di institusi kewangan yang bereputasi dengan kadar faedah yang bersesuaian. Pelaburan jangka pendek adalah melalui simpanan tetap di syarikat kewangan berlesen.

(b) Risiko Pasaran

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran yang timbul akibat daripada perubahan-perubahan dalam harga ekuiti tersiar. Kumpulan tidak menggunakan instrumen derivatif untuk mengawal ekuiti tersiar.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit wujud bila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah terkawal kerana Pengurusan Kumpulan dan Universiti sentiasa memastikan bahawa aliran tunai mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

3.1 Asas Penyediaan

(a) Pernyataan Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut konvensyen kos asal (sejarah) dan menurut Piawaian Perakaunan diluluskan dan dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian.

Mulai tahun kewangan 31 Disember 2020, Universiti Malaysia Kelantan telah menggunakan piawaian perakaunan Malaysia Public Sector Accounting Standard (MPSAS) menggantikan piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) menerusi kelulusan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 6 Tahun 2020.

Penyata Kewangan ini telah disediakan dengan memenuhi piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS – Malaysian Public Sector Accounting Sector) dengan mengambil kira pengecualian mana yang dibenarkan.

MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti diberi tempoh sehingga 3 tahun untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti tertentu.

Kesan pengiktirafan ini akan dilaraskan secara retrospektif kepada baki awal lebih terkumpul. Walau bagaimanapun, ahli Lembaga Pengarah berpendapat dengan menggunakan peruntukan dan pengecualian ini, ia tidak akan menjejaskan persembahan penyata kewangan yang saksama serta pematuhan kepada asas akuan MPSAS.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Asas Penyediaan (samb.)

(b) Pemakaian MPSAS

UMK telah menggunakan piawaian MPSAS seperti berikut:

MPSAS 1	- Presentation of Financial Statements
MPSAS 2	- Cash Flow Statements
MPSAS 3	- Accounting Policies, Changes in Accounting Estimated and Errors
MPSAS 4	- The Effect of Changes in Foreign Exchange
MPSAS 6	- Consolidated and Separate Financial Statements
MPSAS 9	- Revenue From Exchange Transactions
MPSAS 11	- Construction Contracts
MPSAS 12	- Inventories
MPSAS 13	- Leases
MPSAS 14	- Events After The Reporting Date
MPSAS 16	- Investment Property
MPSAS 17	- Property, Plant And Equipment
MPSAS 19	- Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets
MPSAS 20	- Related Party Disclosures
MPSAS 21	- Impairment of Non-Cash Generating Assets
MPSAS 22	- Disclosure of Financial Information
MPSAS 23	- Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes And Transfers)
MPSAS 24	- Presentation of Budget Information in Financial Statements
MPSAS 26	- Impairment of Cash-Generating Assets
MPSAS 28	- Financial Instruments : Presentation
MPSAS 29	- Financial Instruments : Recognition and Measurement
MPSAS 30	- Financial Instruments : Disclosure
MPSAS 33	- First-Time Adoption Accrual Basis MPSASs
MPSAS 34	- Separate Financial Statements
MPSAS 35	- Consolidated Financial Statements
MPSAS 36	- Investments in Associates and Joint Ventures
MPSAS 37	- Joint Arrangements
MPSAS 38	- Disclosure of Interest in Other Entities

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Asas Penyediaan (samb.)

(b) Pemakaian MPSAS (samb.)

Dalam peralihan kepada MPSAS, Universiti mengambil kesempatan daripada pengecualian terhadap tempoh peralihan selama tiga (3) tahun bagi pemakaian kali pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam (MPSAS). Standard piawaian yang terlibat adalah MPSAS 17 – Hartanah, Loji dan Peralatan : Aset Infrastruktur, MPSAS 25 – Manfaat Pekerja dan MPSAS 31 – Aset Tak Ketara.

UMK memiliki aset infrastruktur dan aset tak ketara yang perlu dikenalpasti dan diklasifikasikan semula di dalam penyata kewangan dan UMK masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung perkara tersebut. Oleh itu, dalam tempoh peralihan ini, UMK tidak perlu untuk menukar dasar perakaunan berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran aset tersebut atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana-mana yang terdahulu).

Bagi memenuhi kehendak MPSAS 25, UMK perlu mengambilkira kadar gaji tahun persaraan dalam mengira amaun liabiliti jangka panjang bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, kekangan ke atas sistem sedia ada menyebabkan kriteria tersebut tidak dapat dipenuhi. Oleh itu, sistem ini perlu dibuat penambahbaikan bagi memastikan ianya memenuhi kehendak MPSAS tersebut dan UMK menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan dalam tempoh tiga tahun bermula daripada tarikh pemakaian MPSAS atau sehingga kadar gaji tahun persaraan dapat diukur (mana-mana yang terdahulu).

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan

(a) Asas Penyatuan Akaun

Mulai tahun 2011, Akaun Kumpulan meliputi kesemua Kumpulan Wang Universiti dan anak syarikat yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Semua baki, urusanniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusanniaga dalam Kumpulan telah dihapus kira sepenuhnya semasa penyatuan dan yang akan disatukan mengambil kira urusanniaga luaran sahaja.

(b) Pelaburan Dalam Anak Syarikat

Anak syarikat adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperoleh manfaat daripada aktivitinya. Pelaburan dalam anak syarikat dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosotnilai, jika ada.

(c) Pengiktirafan Pendapatan

(i) Pengiktirafan geran kerajaan adalah sebagaimana berikut:

- Kumpulan dan Universiti mengiktiraf geran kerajaan sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila tiada syarat tertentu yang dikenakan terhadap geran kerajaan yang diterima.
- Kumpulan dan Universiti mengiktiraf geran kerajaan sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi geran yang dikenakan syarat tertentu hanya apabila syarat terhadap geran tersebut telah dipenuhi. Jika syarat yang dikenakan terhadap geran tersebut belum dipenuhi, amaun geran yang diterima perlu dinyatakan sebagai geran tertunda (pendapatan tertunda) dan diiktiraf sebagai liabiliti bukan semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(ii) Pendapatan yuran pelajar adalah berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.

(iii) Pendapatan faedah ke atas simpanan tetap dari institusi kewangan berlesen diakaunkan mengikut konsep akruan. Faedah simpanan tetap daripada tabung amanah akan diagihkan sebagai pendapatan tabung-tabung amanah berkenaan, sekiranya pelaburan dibuat daripada peruntukan tabung amanah tersebut. Bagi pelaburan simpanan tetap yang lain, pendapatan diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Mengurus.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (samb.)

(c) Pengiktirafan Pendapatan (samb.)

- (iv) Faedah dari pinjaman kenderaan dan komputer diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(d) Pengiktirafan Perbelanjaan

Kriteria bagi pengiktirafan semua perbelanjaan adalah seperti berikut:

(i) Perolehan barangan dan perkhidmatan

Bagi barangan atau perkhidmatan yang telah diterima serta dokumen-dokumen berikut telah diterima oleh Universiti Malaysia Kelantan pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun semasa:

- Waran perbelanjaan yang telah diluluskan.
- Pesanan Jabatan/Kerja/LO yang telah dikeluarkan.
- Borang Perakuan Penerimaan Barang atau Borang Pengesahan Kerja/Perkhidmatan telah diluluskan.
- Bil atau invoice daripada syarikat.

(ii) Tuntutan-tuntutan lain

Bagi tuntutan-tuntutan lain yang telah disahkan dan diterima pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun semasa.

(e) Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan spesifik jumlah keseluruhan terhadap penghutang dengan pengumuman bermula tahun ketiga sehingga kelima dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas baki akaun penghutang selepas mengambil kira amaun yang dihapuskan. Akaun penghutang dinyatakan pada nilai yang telah diambil kira selepas peruntukan hutang ragu.

(f) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi semasa yang sah dan konstruktif kesan daripada peristiwa sebelum, apabila terdapat kemungkinan aliran tunai keluar daripada sumber-sumber yang merangkumi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk melangsaikan tanggungan yang mana anggaran terhadap amaun obligasi dapat dibuat dengan munasabah.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(g) Hartanah, Loji dan Peralatan

- (i) Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai dan ditakrifkan sebagai barang-barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu.
- (ii) Bagi alat kelengkapan, pembelian yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu dikelaskan sebagai perbelanjaan aset tetap.
- (iii) Bagi pembelian langsir, permaidani, bidai dan pengadang, pinggan mangkuk dan buku tanpa mengambil kira kos pembelian dikelaskan sebagai perbelanjaan bukan harta modal/aset tetap.
- (iv) Susutnilai adalah berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset tetap berkenaan.
- (v) Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah sebagaimana yang digariskan di dalam MPSAS iaitu berdasarkan 'economical useful life' sesuatu aset tetap antaranya seperti berikut:

	Kumpulan	Universiti
Bangunan dan pembaikan bangunan	2 – 10%	2%
Kemudahan dan pembaikan kemudahan	5%	5%
Kenderaan dan jentera	20%	20%
Alat kelengkapan	20%	20%

- (vi) Satu mesyuarat telah diadakan pada 21 November 2017 bagi membincangkan isu berkaitan tanah Universiti Awam (UA) yang dihadiri oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan, Bendahari/Timbangan Bendahari Universiti berkaitan dan Jabatan Audit Negara. Mesyuarat telah memutuskan bahawa tanah yang didaftarkan di bawah nama Pentadbir Tanah Persekutuan (PTP) tidak boleh dipermodalkan selagi belum mendapat kelulusan pajakan daripada PTP.

(h) Projek Dalam Kemajuan

Kerja-kerja dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang sedang didirikan dan lain-lain aset yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke dalam aset tetap apabila Sijil Perakuan Tamat Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun berkenaan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(i) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya, manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak, jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Selepas pengiktirafan awal sesuatu aset, aset tersebut akan dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Jika ada. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa depan yang dijangkakan. Di dalam tempoh pembangunan, aset diuji untuk rosotnilai dengan sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf serta merta dalam Penyata Prestasi Kewangan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(j) Perbelanjaan Tanah dan Pembangunan

Kos tanah yang dipegang untuk pembangunan serta perbelanjaan pembangunan berkaitan dibawa ke hadapan pada kos campur keuntungan terakru ke tahap penyiapan yang bersesuaian tolak bayaran kemajuan dan peruntukan kerugian boleh jangka. Perbelanjaan pembangunan meliputi kos pembinaan dan lain-lain kos pembangunan berkaitan termasuk kos faedah dan *overhead* pentadbiran berkaitan projek.

(k) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos termasuk, di mana patut, bahan langsung, buruh langsung, belanja langsung dan kos pasti pengeluaran angkubah yang ditentukan di atas asas masuk dahulu, keluar dahulu.

(l) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. UMK telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat jangka pendek.

(ii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai manfaat pekerja jangka panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja tetap dan pengiraan berdasarkan jumlah cuti terkumpul semasa staf tetap. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

(iii) Manfaat Pemberhentian

Manfaat pemberhentian pekerja diiktiraf hanya selepas persetujuan wakil pekerja atas syarat-syarat lebihan yang telah ditetapkan atau selepas seseorang pekerja telah dimaklumkan mengenai syarat-syarat tersebut.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(l) Manfaat Pekerja (samb.)

(iv) Pelan Caruman Tetap

UMK membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perbelanjaan dilakukan.

(m) Polisi bagi Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap.

(n) Pengiktirafan Hasil

(i) Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- (i) Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.
- (ii) Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar akan diakaunkan dan diiktiraf sebagai hasil mengikut setiap semester pengajian.
- (iii) Sumbangan yang diterima daripada pihak luar dan denda diiktiraf berdasarkan asas akruan.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(n) Pengiktirafan Hasil (Samb.)

(ii) Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

- (i) Pendapatan Faedah dan Dividen meliputi hasil hasil faedah daripada pelaburan dalam simpanan tetap dan faedah pinjaman yang diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Prestasi Kewangan berasaskan kaedah akruan.
- (ii) Pendapatan sewaan diiktiraf berdasarkan asas akruan dengan menggunakan dasar garis lurus sepanjang tempoh penyewaan.
- (iii) Pelbagai pendapatan meliputi hasil jualan dan perkhidmatan diiktiraf semasa jualan dan perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

(o) Cukai Pendapatan dan Cukai Tertunda

(i) Kumpulan

Cukai tertunda disertakan, di bawah kaedah liabiliti bagi semua perbezaan masa melainkan jika terdapat indikasi bahawa perbezaan masa tersebut tidak dapat ditarik balik pada jangka masa hadapan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf jika terdapat jangkaan munasabah ke atas realisasinya.

(ii) Universiti

UMK telah diluluskan pelepasan cukai di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 melalui surat kelulusan, Ruj:LHDN.01/35/42/51/179-6.6513 bertarikh 16 Disember 2008 dengan nombor Warta Kerajaan Bilangan 11538 bertarikh 02 Julai 2009. Sehubungan itu, UMK akan menikmati tolakan dan pengecualian cukai seperti berikut:

- **Tolakan Cukai** - Penderma-penderma yang menderma kepada sesebuah institusi, organisasi atau tabung yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 layak mendapat tolakan atas derma-derma mereka dalam pengiraan pendapatan agregat. Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa hanya derma-derma wang tunai yang disokong oleh resit-resit rasmi layak untuk tolakan. Derma-derma berupa barangan (misalnya makanan, pakaian, komputer, saham dan bahan binaan) tidak layak untuk tolakan cukai.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(o) Cukai Pendapatan dan Cukai Tertunda (samb.)

(ii) Universiti (samb.)

- **Pengecualian Cukai** - Berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 2001, mana-mana organisasi atau institusi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 akan juga mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan (kecuali pendapatan dividen) di bawah perenggan 13, Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967. Oleh itu pendapatan UMK (kecuali dividen) akan dikecualikan daripada cukai pendapatan mulai Tahun Taksiran 2008.

(p) Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP)

Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJCP) berkuatkuasa pada 1 September 2018 berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 (Akta 806) dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta 807). Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan UMK adalah pembekalan dan boleh dikecualikan dengan pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

(q) Dasar Kerosotan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan samada terdapat tanda-tanda kerosotan. Jikalau wujud tanda-tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan. Kerugian kerosotan dicajkan terus kepada Penyata Prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kerosotan diiktirafkan sebelum ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(r) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan yang dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan adalah termasuk tunai dan baki di bank, penghutang dan pemiutang. Kaedah pengiktirafan yang digunakan bagi setiap item dinyatakan di penyata polisi perakaunan tersendiri. Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan dengan intipati pada perbelanjaan yang dikontrakkan. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti akan dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pembahagian kepada pemegang institusi kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti akan dicaj secara terus kepada ekuiti. Institusi kewangan diimbang apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai hak penguatkuasaan sah untuk mengimbang amaun yang diiktiraf dan bercadang samada untuk menyelesaikan berdasarkan asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(s) Pandemik COVID-19

Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia ("WHO") mengisytiharkan wabak Coronavirus ("COVID-19") sebagai pandemik kerana kadar penyebarannya yang cepat dan telah memberi kesan di seluruh dunia. Pandemik ini membawa kepada sekatan perjalanan, penutupan kawasan yang berisiko tinggi dan langkah-langkah keselamatan lain turut dilaksanakan di pelbagai negara.

Memandangkan ketidaktentuan situasi, UMK dan anak syarikat akan terus memantau kesan pandemik ini dan membuat keputusan yang sewajarnya pada masa yang sesuai untuk meminimalkan kesan terhadap operasi.

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

A. PINJAMAN KAKITANGAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Pinjaman kakitangan	1,859,714	1,759,047	1,859,714	1,759,047
Tolak:				
Matang dalam tempoh 12 bulan dan ditunjukkan dalam penghutang dan pelbagai penghutang	(408,247)	(365,096)	(408,247)	(365,096)
	<u>1,451,467</u>	<u>1,393,951</u>	<u>1,451,467</u>	<u>1,393,951</u>

Struktur kematangan baki pinjaman kakitangan adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh 12 bulan (Nota 4B)

Pinjaman kenderaan	314,603	288,324	314,603	288,324
Pinjaman komputer	93,644	76,772	93,644	76,772
	<u>408,247</u>	<u>365,096</u>	<u>408,247</u>	<u>365,096</u>

Matang dalam tempoh melebihi 12 bulan

Pinjaman kenderaan	1,318,437	1,266,785	1,318,437	1,266,785
Pinjaman komputer	133,030	127,166	133,030	127,166
	<u>1,451,467</u>	<u>1,393,951</u>	<u>1,451,467</u>	<u>1,393,951</u>

	<u>1,859,714</u>	<u>1,759,047</u>	<u>1,859,714</u>	<u>1,759,047</u>
--	------------------	------------------	------------------	------------------

